

**Panduan Pemuda-Pemudi**

**ARUS-ARUS KEREMAJAAN**

**EVELYN TAN HWEE YONG**

**1992**

**Hakcipta: Upstream Publishing**

**Tahun: 1992**

**Pelukis: Joseph Liew**

**Evelyn Tan Hwee Yong**

**Penulis: Evelyn Tan Hwee Yong**

# ARUS-ARUS KEREMEJAN

## DAFTAR ISI

## MUKA SURAT

### Pendahuluan

- BAB 1        Harga diri saya
- BAB 2        Konflik para remaja dan ibu bapa mereka
- BAB 3        Bintang pujaanku
- BAB 4        Waktu itu bernilai
- BAB 5        Ibu saya
- BAB 6        Persahabatan
- BAB 7        Saya jatuh cinta
- BAB 8        Seks di luar pernikahan
- BAB 9        Sikap pemuda Kristian terhadap pornografi
- BAB 10       Percubaan Hidup
- BAB 11       Perintah baru
- BAB 12       Kasihilah musuhmu
- BAB 13       Saya akan menyertai engkau
- BAB 14       Perselisihan Faham
- BAB 15       Pengampunan dan firman Tuhan

Siri ini disertai oleh jawapannya

## **BAB 1**

### **HARGA DIRI SAYA**

Siti berpaling muka dari ruangan piano di mana Pauline Langgit dan Tan berada. "Mereka begitu berbakat. Pauline begitu pandai memainkan piano sedang Tan suaranya merdu. Aku ini siapa? Muka penuh jerawat, hodoh dan suara pun seperti burung gagak. Aku tak layak jadi teman mereka." Sambil menunduk kepala, Siti tergesa-gesa ke kelas tingkatan tiga Mawar biru.

Bagaimana seseorang memandang dirinya akan mempengaruhi harga dirinya. Siti memandang rendah terhadap dirinya sendiri. Makin lama makin dia tidak mempunyai harga diri dan tidak suka pada diri sendiri.

#### **( Pilih Jawapan Anda )**

##### **1. Saya mengasihi diriku.**

- a. sangat mengasihi
- b. mengasihi
- c. sederhana
- d. Saya paling benci diri saya sendiri.

##### **2. Anggota keluarga saya mengasihi saya**

- a. mereka sangat mengasihi saya
- b. sederhana
- c. mereka paling membenci saya!

##### **3. Apakah anda disukai atau dikasihi oleh orang di sekitar anda?**

- a. sangat dikasihi
- b. sederhana
- c. mereka membenci saya

##### **4. Saya :**

- a. Saya suka diriku.
- b. Saya mengasihi diriku
- c. Tak pernah fikirkan hal ini
- d. Alangkah baiknya, Kalau saya tidak dilahirkan !

5. Sifat apakah yang paling anda suka pada diri anda sendiri?

6. Sifat apakah yang orang lain paling suka pada diri anda?



### **HARGA JUDY**

Judy selalu kesepian. Masalahnya bukanlah dia tidak cantik, tetapi dia mempunyai harga diri rendah. Pengalaman ajaib telah mengubah dirinya. Perkara ini terjadi ketika dia pergi berkelah bersama pemuda-pemudi di pantai Damai. Ketua persekutuan pemuda telah mengadakan satu permainan yang disebutnya, "menarik benang! ". Dia menjodohkan pemuda-pemudi dengan permainan yang diaturnya. Judy dijodohkan dengan pemuda kacak yang bernama Jack. Jack menaruh hati pada Judy. Judy berubah sejak itu. Teman-temannya sering berkata, "*like ugly duckling to a Swarm!*" Perasaan malunya hilang, dia menjadi lebih ramah terhadap orang lain. Wajahnya menarik, bajunya pun agak kemas malahan dia mulai memakai gincu bibir pula.

"Saya sungguh kagum dengan perubahan yang terjadi pada diri Judy", kata pemuda-pemudi gereja.

### **Saat Berbincang**

1. Menurut anda, apakah yang menyebabkan perubahan pada diri Judy?

---

---

---

2. Mengapakah kasih dan penerimaan orang lain dapat mempengaruhi harga diri kita?

---

---

---

3. Bagaimana pendapat orang lain dapat mempengaruhi anda?

---

---

---

4. Bagaimana pandangan diri kita sendiri boleh menghalangi pertumbuhan kita?

---

---

---

### **PANDANGAN ALKITAB BERHARGAKAH SAYA KEPADA TUHAN?**

1. Bahan-bahan yang rosak dan tidak berharga biasanya dianggap tidak berguna. Adakah Tuhan menganggap kita sebagai manusia yang berharga? (Rom 5:8-11).

---

---

---

2. Perkataan manakah yang menjelaskan bahawa kita sudah rosak?

---

---

---

3. Bagaimanakah Tuhan bersikap terhadap orang-orang ini? Adakah dia menganggap mereka berharga? (Rom 5:8)

---

---

---

4. Bagaimanakah Tuhan memulihkan keadaan kerosakan itu? (Rom 5:9)

---

---

---

5. Bagaimanakah sikap dan penghargaan Tuhan terhadap kita dapat mengubah kita?

---

---

---

6. Dalam Lukas 12: 6-7, kepastian kasih Tuhan dijelaskan oleh Lukas. Sejauh manakah Tuhan mengasihi kita?

---

---

---

7. Sejauh manakah Tuhan mengasihi kita? (Yahya 3:16)

---

---

---

8. Menurut Yeremia sejak bilakah Tuhan memilihnya? (Yeremia 1:14)

---

---

---

9. Apakah yang dikatakan oleh Lukas 15:1-7 tentang domba yang hilang itu?

---

---

10. Menurut Yahya 10:11, berapa ringgitkah Gembala itu rela bayar untuk dombanya? Setakat manakah anda berharga di mata Tuhan Yesus?

---

---

11. Sejauh manakah Tuhan menghargai manusia? Penghargaan khusus apakah yang diberikan kepadanya? (Mazmur 8:4-8)

---

---

12. Baca Lukas 8:26-39 dan menaksirkan harga orang yang dirasuk Syaitan itu?

---

---


13. Apakah yang akan terjadi kepada seseorang kalau dia tidak mempunyai harga diri yang positif?

---

---

**Doa Penutup**

Tuhan saya bersyukur kerana Engkau mengasihi saya dan menganggap saya sangat berharga. Walau saya tidak cantik, muka saya berjerawat dan suara saya serak, saya tetap berharga kepada Tuhan. Terima kasih Tuhan kerana Engkau menganggap saya berharga sehingga rela mengutus Anak-Mu. Tolonglah saya menghargai dan mengasihi diri sendiri.



**BAB 2  
KONFLIK PARA REMAJA DENGAN IBU BAPA**



Mat geram ketika emaknya mengomel-gomel dan mengatakan bahawa dia harus tinggalkan ciri-ciri keanak-anakannya. "Seharusnya engkau sudah dewasa dan boleh berfikir matang. Hairan! Engkau masih berfoya-foya seperti anak kecil. Tahun ini engkau akan menghadapi peperiksaan SRP!"

Mat mengalami tekanan jiwa. Maknya mengharapkan dia bersikap matang dalam segala hal. Bukankah saya masih sedang mendewasa!

**Di bawah ruangan ini tuliskan masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak remaja dalam masyarakat anda.**

**Tandakan ya atau tidak dan kemudian menjelaskan pilihan anda.**

1. Waktu remaja merupakan waktu yang sulit kerana saya sering mengalami tekanan daripada ibubapa saya. ( **Ya** atau **Tidak** )
2. Saya ingin kebebasan dan tidak mahu dikuasai oleh ibubapa saya dalam segala hal. Keinginan ini menimbulkan konflik. ( **Ya** atau **Tidak** )
3. Cita-cita ibu saya untuk kehidupan saya terlalu sukar saya capai. ( **Ya** atau **Tidak** )
4. Saya sungguh keliru. Kadangkala ibu saya menganggap saya dewasa dan pada waktu yang lain menganggap saya masih kanak-kanak. ( **Ya** atau **Tidak** )
5. Saya risau kerana harapan ibu bapa terhadap saya terlalu tinggi. ( **Ya** atau **Tidak** )
6. Saya khuatir tentang masa depan saya. Apakah yang akan terjadi kepada saya kalau saya gagal dalam peperiksaan? ( **Ya** atau **Tidak** )

### **Projek kelas**

1. Bayangkan diri anda mempunyai masalah dan sedang menulis surat kepada majalah. Jelaskan masalah anda. Teman-teman yang lain akan cuba memberi jawapan untuk masalah anda.

**Lakonkan babak di bawah.**

#### **Kes**

Haruskah saya seperti robot. Saya ini mesin ke? Kamu boleh masukkan 50 sen dan mendapat apa yang anda ingini. Ibubapa saya selalu berkata saya telah banyak menggunakan banyak wang mereka. Oleh kerana itu saya harus mencapai cita-cita mereka. Memang benar mereka yang membayar untuk segala keperluan saya. Tetapi mereka tidak boleh menganggap saya sebagai robot atau mesin, saya ini manusia!

#### **Kes**

Mestikah saya memberi mereka nama setiap teman saya. Saya tidak boleh bernafas di rumah! Melangkah keluar sahaja, ibu akan tanyakan ke mana saya pergi dan siapa teman saya. Ibu saya tidak mengizinkan saya mendaki gunung Kinabalu dengan teman-teman saya. Saya ingin melarikan diri saya dari rumah untuk menikmati kebebasan!

#### **Kes**

Ayah Richard sedang duduk di kerusi. Ketika anaknya pulang dia mulai bertanya kepada anaknya. "Eagkau hendak ke mana? Keluar dengan Cindy lagi? Ke mana kamu pergi? Berdisko kah?"

### **SOALAN-SOALAN**

Berdasarkan cerita-cerita di atas.

1. Nilai apakah yang ingin ditanamkan ibubapa anak-anak remaja di dalam kehidupan mereka?

---

---

2. Mengapakah ibu bapa anak-anak remaja di kes-kes yang tercatat di atas selalu membatasi kebebasan mereka?

---

---

3. Jenis manusia apakah yang ingin dibentuk oleh ibu bapa mereka?

---

---

4. Mengapakan pengharapan dan kasih sayang ibu bapa boleh menimbulkan konflik antara mereka dan anak-anak mereka?

---

---

### **PANDANGAN ALKITAB**

#### **Bayangkan.....**


Keluarga Bagaikan sebuah buku.

Ibu bapa kulit buku itu. Mereka melindungi anak-anak di dalam Keluarga. Anak-anak mereka bagaikan halaman-halaman buku itu. Pada mulanya, setiap halaman itu putih. Anak-anak dan ibubapa akan mencatat setiap halaman dengan peristiwa yang terjadi dalam keluarga mereka. Kasihlah yang akan menjilidkan buku itu menjadi sebuah buku yang baik. Ayat-ayat Alkitab di bawah merupakan benang yang dapat menjilidkan buku itu dengan baik.

Cuba cari benang-benang itu dan kemudian lukis serta tulis perkara yang penting untuk kehidupan keluarga kita. Korintus 13, 1 Petrus 2: 13-23, Kolose 3: 20, Efesus 4: 21-24, Efesus 6: 1-3. Anda boleh tuliskan peristiwa-peristiwa yang anda kenangi dalam kehidupan keluarga anda.



### BAB 3 BINTANG PUJAANKU SIAPAKAH BINTANG PUJAAANMU ?



#### Temuduga dengan pemuda-pemudi

Siapakah yang paling anda kagumi dalam kehidupan anda? Michael Jackson, Mohamad Gandhi, guru anda, bapa anda, Perdana Menteri Margaret Thatcher, Kaddafi....Rushdi, Mahathir, Saddam Hussein. Berikut satu temuduga dengan para remaja tentang bintang pujaan mereka.

**Susan:** Orang yang paling saya kagumi Margaret Thatcher. Dia wanita yang tegas, tabah dan cemerlang. Oh ya, satu hal lagi, dia juga suri rumahtangga yang baik. Di samping mengurus hal ehwal negaranya, dia juga mengurus rumahtangganya dengan baik.

**Jo:** Bintang PujaanKu? Oh, dia hanya seorang yang biasa. Dia teman sekelas saya. Setiap orang suka kepada Rita Ho. Sebab dia pintar, mempunyai budi perkerti yang baik dan juga menghormati ibubapanya.

**Emilia:** Saya mengasihi bapa saya, dia bersikap terbuka dan suka bergurau. Dia suka membuat kami ketawa terpingkal-pingkal.

**Judy Cheng:** Bintang pujaanku? Pahlawan saya Aeneas seorang pahlawan Rom. Beliau seorang raja yang berani dan tidak takut berkorban untuk negaranya. Dia begitu mengasihi negaranya. Dia telah belayar ke pelbagai Negara dan memenangi banyak berperangan. Bayangkan dia sanggup tinggalkan putrinya yang cantik demi berjuang bagi negaranya. Dialah bintang pujaanku; seorang yang rela bekerja keras dan tidak mementingkan diri.

**Anna Wong:** Bintang pujaanku? Bekas Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman. Beliau begitu mengasihi rakyat dan telah memerintah Malaysia dengan saksama!

**Daniel:** Bintang pujaanku Mother Theresa. Di kamar saya tidak ada foto teman perempuan saya tetapi saya menghiasinya dengan gambar Mother Theresa. Mother Theresa banyak berkorban demi orang yang miskin. Dia menjadi sumber ilham saya. Saya selalu menyuruh teman perempuan saya belajar dari contoh Mother Theresa, saying sekali, dia hanya mementingkan kereta, rumah, kemewahan dan bergurau senda! Dia tidak memiliki setengah pun daripada Mother Theresa !

**Betty Raja:** Bintang pujaanku hanya Tuhan Yesus. Dia begitu mengasihi orang, rela berkorban, lemah lembut tetapi tegas.

**Siapakah bintang pujaanmu?**

**Sifat-sifat apakah yang harus dimiliki oleh bintang pujaanmu?**

**Tanda : Ya atau Tidak**

1. Biasanya bintang pujaan para remaja mesti cantik. ( **Ya** atau **Tidak**)
2. Dia mesti pandai. ( **Ya** atau **Tidak**)
3. Dia rela berkorban demi nasib orang lain. ( **Ya** atau **Tidak**)
4. Seorang pemain olahraga yang baik. ( **Ya** atau **Tidak**)
5. Orang yang kaya. ( **Ya** atau **Tidak**)
6. Dia sabar, tegas dan boleh bergurau senda. ( **Ya** atau **Tidak**)

**Tuliskan orang yang anda kagumi dalam ruangan di bawah. Jelaskan sifat-sifat yang ada pada mereka yang anda sukai.**

Di bawah terdapat beberapa sifat yang mungkin dimiliki oleh orang yang anda kagumi. Letakkan ( ✓ ) kalau orang yang anda kagumi memiliki sifat-sifat tersebut:

- \_\_\_\_\_ kuat
- \_\_\_\_\_ lucu
- \_\_\_\_\_ kasih
- \_\_\_\_\_ sifat yang selalu mahu menolong
- \_\_\_\_\_ disiplin yang kuat
- \_\_\_\_\_ terkenal
- \_\_\_\_\_ taat
- \_\_\_\_\_ ramah
- \_\_\_\_\_ berpakaian kemas
- \_\_\_\_\_ bijaksana
- \_\_\_\_\_ berbelas kasihan
- \_\_\_\_\_ gembira
- \_\_\_\_\_ setia
- \_\_\_\_\_ rohani
- \_\_\_\_\_ penuh kesabaran
- \_\_\_\_\_ ramah

**RENUNGAN ALKITAB**

Cari sifat-sifat yang dimiliki oleh Tuhan Yesus.

1. Matius 22: 37-39

---

---

2. Matius 20: 26-27

---

---

3. Filipi 2: 3-5

---

---

4. Matius 5: 23-25, Matius 18: 21, 22,

---

---

5. Markus 10: 13-16

---

---

**BINTANG PUJaan KU TUHAN YESUS**

Tuhan Yesus diberikan bermacam nama oleh orang pada zaman-Nya. Carilah nama yang diberikan kepada-Nya dari ayat-ayat berikut.

1. Matius 8: 19

---

---

---

2. Matius 27: 37

---

---

3. Matius 21: 9

---

---

4. Lukas 2: 11

---

---

5. Yahya 1: 41

---

---

6. Yahya 1: 38

---

---

7. Bagaimanakah Tuhan Yesus menjelaskan Diri-Nya sendiri? (Markus 10: 43-45)

---

---

**BAB 4  
WAKTU ITU BERNILAI**



### A. Tandakan ayat yang paling sesuai untuk anda.

1. (        )        Saya meluangkan banyak waktu menonton pelbagai siri televisyen; dari rancangan Dondang Sayang sampai ke rancangan gusti.
2. (        )        Saya hanya mempunyai sedikit waktu untuk mengerjakan pekerjaan sekolah saya
3. (        )        Saya meluangkan banyak waktu termenung saja dan jarang melakukan sesuatu yang manfaat.
4. (        )        Ramai orang berfikir saya seorang pemalas.

Tandakan ayat-ayat yang benar.

Setelah mengerjakan ayat-ayat di atas, saya telah menyimpulkan bahawa:

- a. Saya telah menggunakan waktu saya dengan berharga dan bijaksana.
- b. Saya telah membuang banyak waktu dan perlu menyelamatkan waktu saya dengan secepat mungkin.
- c. Saya telah menilai waktu dengan baik.

### B. Pandangan Alkitab

1. Akibat apakah yang akan terjadi jika kita mengerjakan sesuatu yang tidak berguna? (Amsal 12:11)

\_\_\_\_\_

2. Kalau anda menjadi malas anda akan menjadi hamba kepada apa? (Amsal 12:24)

\_\_\_\_\_

3. Apakah yang menjadi perbezaan antara orang yang malas dan orang yang rajin? (Amsal 12:27)

\_\_\_\_\_

4. Apakah yang akan terjadi kepada orang yang malas (Amsal 15:19)

\_\_\_\_\_

5. Bagaimanakah kita harus hidup sebagai anak Tuhan? (Efesus 5:16, 16, 17)

\_\_\_\_\_

6. Apakah yang diminta oleh Pemazmur agar dia dapat menggunakan waktunya dengan bijak? (Mazmur 90:12)

\_\_\_\_\_

7. Perbezaan apakah yang terdapat antara manusia dan Tuhan mengenai konsep waktu? (Mazmur 90:4;90:5)

\_\_\_\_\_

- C. Tuliskan satu gambarajah kehidupan anda. Tulis atau lukis perkara yang ingin anda capai dalam gambarajah tersebut. Misalnya .....

Pada waktu saya berumur 21 tahun saya akan \_\_\_\_\_

Pada waktu saya berumur 20 tahun saya akan \_\_\_\_\_

Pada waktu saya berumur 19 tahun saya akan \_\_\_\_\_

Pada waktu saya berumur 18 tahun harus lulus **STPM** saya \_\_\_\_\_

### Semut Dan Belalang



Pada zaman dahulu, di negara Yunani, tinggal seorang lelaki yang bernama Aesop. Aesop suka mengeliingi negaranya untuk menyampaikan cerita yang menarik dan berakal. Ceritanya dipanggil fables. Dia selalu memakai binatang sebagai wataknya. Walaupun ceritanya kedengaran lucu, tetapi selalu mempunyai unsur pelajaran untuk pendengarnya. Berikut sebuah cerita tentang Semua dan Belalang daripada Aesop.

Si belalang menari dan bernyanyi sepanjang musim panas. Pada waktu itu juga, si semut sedang bertungkus lumus. Dia berbolak balik memungut makanan untuk sarangnya.

"Marilah berjoget dengan aku," kata si belalang kepada si semut.

"Maaf", jawab si semut. "Musim dingin segera menjelang dan aku mesti menyimpan makanan untuk musim dingin." "Jangan khawatir teman, kita masih ada banyak waktu," jawab belalang sambil ketawa, "Why so hardworking?" "Raja sayang, eh, rasa sayang, eh ..... "belalang menyuanyi sambil berjoget-joget. "Lihatlah nyonya ..... Datang", belalang asyik bergurau senda!

Musim dingin segera tiba. Belalang berasa cemas. Dia mulai mencari makanan. Sungguh malang! Lading semua tertimbun salji, secebis makanan pun tidak diketemuinya.

"Nasib baik saya berkenalan dengan si semut," seru belalang. "Pasti si semut ada banyak makanan. Saya akan meminta makanan daripada dia."

"Siapa tu?" tanya si semut.

"Saya temanmu, si belalang." Jawab belalang. "Bolehkah saya masuk ke rumahmu? Saya lapar dan kedinginan."

"kenapa kamu tidak pulang ke rumah kamu yang hanga dan mengenyangkan diri kamu dengan makanan?" tanya si semut.

"Tapi saya tidak mempunyai makanan di rumah. Lagipun rumah kami dingin."

"Kenapakah kamu tidak mempunyai makanan?" tanya si semut.

"Saya tidak mempunyai makanan kerana saya menyanyi sepanjang musim panas," kata si belalang itu.

"kalau begitu, bolehlah kamu terus menyanyi dan menari sesuka hatimu! Makanan saya Cuma cukup untuk saya dan sekeluarga saya."

Waktu Itu Bernilai Soalan

1. Apakah yang mungkin terjadi kepada kita kalau kita bersikap seperti belalang?

2. Bagaimana pula kalau kita bersikap seperti si semut?  
\_\_\_\_\_
3. Adakah seseorang yang memiliki gabungan sifat antara belalang dan semut merupakan orang yang mempunyai kehidupan yang seimbang? Menurut anda bagaimanakah seseorang dapat memiliki kehidupan yang seimbang?  
\_\_\_\_\_
4. Beriman kepada Tuhan tidak bererti kita tidak perlu merancang untuk masa depan. Bincangkan.  
\_\_\_\_\_

## BERAT TULANG

"Bangunlah Muthu," jerit ibu Muthu.

Muthu masih tidur dengan nyenyak.

"Muthu, kalau kamu tidak bangun, saya akan semburkan air sejuk ke atas kamu," jerit ibunya. "Sepanjang malam tengok filem Chow Yeun Fatt."

Muthu menutup matanya lagi. "Dua puluh saat lagi," kata Muthu.

Pintu bilik tidurnya terbuka. Muthu membuka mata tetapi disambut oleh air dingin yang sudah dicurahkan ke mukanya.

"Bangun dan jangan buang waktu lagi," kata ibunya. "Setiap hari kamu tidur sampai jam sebelas," ibunya mengomel.

Muthu sedar sepanjang cuti sekolah dia telah membuang waktu. Dia menonton video siri filem Kantonese setipa hari, makan dan kemudian tidur sepanjang hari.

"Muthu, ibu ingin bercakap dengan kamu sesudah makan," kata ibunya.

"Bagaimanakah kamu gunakan waktu cuti kamu?" tanya ibunya.

"Bosan sekali. Tetapi saya tidak mempunyai pekerjaan," Jawab Muthu.

"Pasti engkau boleh ulangkaji. Mari kita catatkan satu senarai aktiviti yang kamu boleh lakukan," kata ibunya.

Bagaimanakah anda menggunakan waktu cuti anda? Bincang bagai mana anda boleh menggunakan waktu cuti dengan baik.

*Beljarlah daripada semut, Hai pemalas, perhatikan sifatnya dan jadilah bijaksana (Amsal 6:6)*



## BAB 5 IBU SAYA



### Mengenali ibu saya

1. Kesukaannya \_\_\_\_\_
2. Kebenciannya \_\_\_\_\_
3. Dia selalu berkata \_\_\_\_\_
4. Dia selalu menonton \_\_\_\_\_
5. Dia suka makan \_\_\_\_\_

### Mengasihi ibu saya

Bagaimana anda boleh mengasihi ibu anda setelah mengetahui perkara yang disebutkan di atas?

***Cuba tulis lima perkara yang dapat anda belajar daripada Ibu anda.  
Tulis dua perkara yang paling anda suka tentang Ibu anda. Pengajian Alkitab***

1. Baca 1 Samuel 1:19-28. Jelaskan sifat menarik yang dimiliki oleh ibu Samuel.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Baca Kisah Para Rasul 16: 1-5. Timotius mempunyai hubungan yang istimewa dengan ibunya. Dapatkah anda bayang pengaruh-pengaruh positif yang mungkin diterimanya?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Tuhan Yesus masih mengingat kesejahteraan ibunya ketika menghadapi kesengsaraan. (Yahya 19: 17-27) Apakah yang dilakukannya?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Dapatkah anda bayangkan apa yang mungkin terjadi kalau seorang anak dengan sengaja berperangai berlawanan dengan nasihat yang diberikan dalam Efesus 6: 1-4?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Amsal 22:6 mencadangkan bahawa

- a. Ibu, letakkan anakmu ke dalam satu acuan dan memaksa mereka untuk membentuk seperti acuan itu!
  - b. Mengajar mereka menurut cara yang anda kehendaki.
  - c. Ibu, anak-anakmu adalah seperti bunga di taman. Anak anda mungkin memiliki sifat seperti bunga mawar (begitu lembut), bunga matahari (cerah dan penuh dengan semangat) ataupun seperti kaktus. Anda mesti cuba membentuk mereka menurut sifat mereka masing-masing serta menurut cara yang Tuhan ingini.
6. Bidalan (Amsal 13:24) mengajar bahawa:-
- a. Ajaran yang tidak disertai dengan disiplin tidak akan membentuk sifat yang teguh dalam kehidupan seseorang anak.
  - b. Ketika ibu saya menghukum saya dia selalu melakukannya dengan kasih sayang.
  - c. Mendera (memukul) anak merupakan cara yang kejam untuk mendisiplin seorang anak.
  - d. Kalau ibu saya emndera saya, saya akan membenci dia.
  - e. Ibu yang mendera anaknya perlu memberi penjelasan juga.

#### Keluhan Jennifer Ating....

Menyenangkan hati ibu sungguh tidak mudah. Dia selalu tidak gembira. Sedikit sisa makanan di piring pun akan dia mengomel. Ibu patut memahami saya sibuk dan kadangkala tidak sempat mengelap piring yang baru dicuci. Tapi apabila saya berfikir betapa sulitnya ibu saya mengandung saya selama 9 bulan, melabur begitu banyak wang untuk pendidikan saya. Chin cahilah

Sebenarnya saya ingin membantah. Walaupun saya mengasihi ibu saya tetapi saya tetap ada sesuatu di dalam diri yang ingin melawan.


Saya sengaja belajar bermain gitar, kerana saya tahu ibu saya suka bermain piano. Saya membaca ketika saya disuruh menulis, menari jika disuruh menyanyi. Semuanya terjadi mungkin disebabkan hormone yang ada dalam diri saya terlalu aktif dan kuat. Hormone keremajaanlah!

Cita-cita ibu untuk saya, tinggi melangit dan biasanya berlainan dengan keinginan saya. Ibu tidak mahu saya menjadi seorang guru, kerana .... Bukankah mengajar juga cita-cita yang terhormat. Mengapakah dia membantah begitu?. Asal saya tidak jadi kaki botol, perompak atau mencuri. Akhir-akhir ini saya telah berubah fikiran. Saya ingin mengikut jejak bapa saya menjadi seorang wartawan. Kata ibu, saya akan menderita sepanjang hidup saya. Memang sulit memahami perasaan ibu saya. Ibu mahu saya ke "Cambridge Universiti" untuk belajar "Undang-undang" (Law). Dia tidak mengerit sebenarnya saya tidak begitu pandai. "apa boleh buat. Anak jiran kami seorang peguam juga? Jadi ibu akan bangga jika saya boleh jadi peguam!"



Bahagiakan kumpulan anda menjadi dua kumpulan. Bincangkan perasaan Jennifer ating dan kemudian beri laporan anda.

**BAB 6**  
**PERSAHABATAN**  
**Later belakang Alkitab :- 1 Samuel 20**  
**SAHABAAT YANG SETIA**



A. "Teman yang setia memang susah dicari," keluh Maria ketika dia keluar dari gerbang sekolah Convent.

"Maksud kau?" Tanya Chuan Swee.

"Bukankah kau selalu dikerumuni oleh begitu ramai teman!" kata Chuan Swee.

"Maksud saya, teman yang baik, yang dapat saya harapkan dan yang memiliki hati yang murni," kata Maria.

"Memang teman yang sebegitu, susah sekali dicari! kata Chuan Swee.

"Saya begitu kecewa dengan si Rokiah, akhir-akhir ini dia sering membuang muka dan tidak mahu bercakap lagi."

Setujukah anda dengan Chuan Swee bahawa teman yang setia susah dicari?

**B.** "Manusia itu makhluk social," merupakan pepatah yang biasa dikatakan. Memang eloklah manusia mencari sahabat. Persahabatan yang murni tidak dapat dijalin dengan mudah. Tandakan ayat yang anda fikir menjadi halangan untuk memupuk persahabatan yang murni.

- a. tidak mahu mengampuni kesalahan orang lain dengan mudah.
- b. kita sering naik darah!
- c. anak-anak kecil dapat menjalin persahabatan dengan mudah namun mereka dapat menghancurkannya dengan mudah. Orang dewasa lebih lambat dan berhati-hati ketika mencari teman. Seseorang yang hanya mementingkan diri sendiri sahaja akan menghancurkan persahabatannya dengan orang lain.
- d. konflik peribadi juga sering menjadi sumber pertikaian antara sahabat.
- e. masalah komunikasi.
- f. Kalau kita tidak bersikap rendah hati terhadap sesama; kita akan merosak persahabatan kita.

### **RESEP PERSAHABATAN**

Bayangkan diri anda sedang membuat kek persahabatan. Persahabatan dapat diibaratkan dengan membuat kek. Ia memerlukan bahan-bahan yang betul.

Tuliskan resepi kek itu di bawah ini:

Resep membuat kek persahabatan.

- a. Apakah yang menghancurkan persahabatan? (Amsal 16: 28)

---

---

- b. Siapakah yang dapat menjadi sahabat yang baik? (Amsal 17: 9)

---

---

- c. Bagaimanakah seseorang dapat melayani temannya? (Amsal 12: 26)

---

---

- d. Namakan dua jenis teman yang terdapat dalam ayat ini (Amsal 18: 24)

---

---

- e. Kadangkala luka teman baik lebih baik daripada rangkulan seorang musuh. Kenapa? (Asmal 27:6)

---

---

- f. Seorang teman mungkin lebih baik daripada

(Asmal 27: 9-10)

### **DARI SUDUT ALKITAB**

Alkitab menggunakan pelbagai sifat nama untuk menjelaskan jenis sahabat kita. Ayat-ayat Alkitab menjelaskan ciri-ciri yang terdapat pada teman yang baik. Cari sifat sahabat setia daripadanya.

1. Filipi 2:3, 4

---

2. Galatia 5:14

---

3. Kolose 3:12-13

---

4. Kolose 4:5,6

---

5. I Korintus 9:25-27

---

6. II Korintus 10:1

---

7. Efesus 4:31, 32

---

8. Efesus 4:25

---

9. Matius 5: 43-44

---

10. Yakub 1: 19-20

---

1. Tuliskan sebuah kad terima kasih kepada sahabat anda atas kebaikan yang telah dilakukan oleh dia terhadap anda.

### **BACAAN TAMBAHAN**

### **PANDANGAN PEMUDA-PEMUDI MALAYSIA MENGENAI PERSAHABATAN.**

### **ERTI PERSAHABATAN YANG SEJATI.**

Persahabatan yang sejati? Thema ini mengingatkan saya mengenai cerita Charlottee Webb yang di tulis oleh E.B White. Cerita ini masih segar dalam ingatan saya walaupun saya telah membaca cerita ini beberapa tahun yang lalu. Cerita ini sangat mengharukan perasaan saya.

Themanya ialah "Persahabatan". Cerita ini mengenai Charlottee dan laba-laba (Spider) yang telah menyelamatkan Wilbur seekor babi.

Charlottee terpaksa berkorban dan tetap menjadi sahabat yang setia sewaktu menempuh kesusahan. Inilah yang menjadikan persahabatan yang indah, iaitu kerelaan untuk berkorban dan menolong sahabat anda ketika dia memerlukan pertolongan.

Merenung kembali buku itu, saya dapati ceritanya banyak mengajar saya tentang makna menjalin persahabatan yang indah. Persahabatan yang sejati lebih bernilai daripada segala kekayaan di dunia ini.

Seorang sahabatan yang kaya tidak akan berkorban demi kita. Sahabat yang sejati rela bertolak ansur. Mereka lebih penting daripada segala kekayaan di dunia ini.

Seringkali kita menggunakan sahabat kita untuk mencapai keuntungan diri sendiri. Bahkan ada yang mengaku secara terbuka bahawa mereka hanya ingin menggunakan sahabat mereka.

Kita boleh bergurau atau menceritakan segala impian kepada sahabat kita. Oleh kerana kita dianugerah dengan persahabatan sedemikian setiap hari maka kita sering lupa akan akan keindahannya.

Sahabat yang sejati boleh menggalakkan kita. Mereka tidak takut menegur kita. Walau teguran sedemikian mungkin menyakiti hati kita tetapi akhirnya kita akan belajar sesuatu.

Bahagian terakhir cerita ini, Charlottee sungguh bermakna. Kesimpulannya begini, "Tidaklah setiap orang yang datang kepada kita adalah orang yang sejati". Oleh kerana ini kita mesti menghargai setiap sahabat kita.

Cerita ini saya tujukan khas kepada teman saya yang mengalakkan saya menulis artikel ini.  
*Song Eu Jin, 17 tahun.*  
*Petaling Jaya*

### **WANG TIDAK DAPAT MEMBELINYA.**

Kita tidak dapat membeli persahabnatan yang sejati dengan wang. Apakah yang menyebabkan persahabatan begitu berharga?

Perkataan Persahabatan bererti perasaan atau suatu perhubungan yang mesra. Jika dua orang menjalin persahabatan yang benar, maka persahabatan yang sejati itu akan terwujud.

Sesetengah orang cuba mengambil hati sahabat mereka dengan kekayaan. Mereka belanja sahabat mereka makan malam ke restaurant kelas satu, menghadiahi barangan bermutu, dan tunjukkan rumah mereka yang besar. Ini beberapa cara untuk memikat sahabat. Benarkah usaha seperti ini membuktikan mereka sahabat sejati ?

Jangan diperbodohkan oleh kekayaan mereka. Saya bukan menuduh semua orang yang kaya menyalah gunakan kekayaan mereka dan bersikap sombong. Tidaklah semua orang yang kaya suka menonjol-nonjolkan diri mereka sendiri. Tetapi hanya sebilangan kecil tidak akan bersikap demikian.

Pernahkah anda menonton wayang gambar, "Teen Witch". Ada seorang Bintang filem yang terkena , iaitu Robyn Lively berlakon sebagai Louise Miller.

Miller dikaruniai dengan kuasa yang begitu besar tetapi dia menyalahgunakan kuasanya supaya dia menjadi gadis yang terkenal di sekolah. Peristiwa ini merosak perhubungannya dengan temannya yang terbaik.


Kekayaan tidak dapat menjalin persahabatan yang sejati, mahupun mengambil hati orang lain.

Sewaktu anda kaya, anda mungkin mempunyai ramai teman. Tetapi mereka akan tinggalkan anda sewaktu anda miskin papa. Jadi persahabatan yang sejati tidak dapat kita beli dengan wang. Itulah yang menjadikannya amat berharga.

Bergembiralah jika anda dikerumuni kawan-kawan yang sejati. Selagi anda masih hidup sayanglah sahabat-sahabat anda.

*L.C.Lee 16 Tahun*  
*Penang.*

## BAB 7 SAYA JATUH CINTA



### 1. CINTA MONYET

Kebingungan terjadi apabila seorang pemuda berjumpa dengan seorang perempuan. Seluruh ruangan atau tempat perjumpaan itu seakan-akan disinari oleh cahaya romantik. Asap dan api diikuti oleh petir dan Guntur, kedua insan muda yang bersuara gemetar itu terbenam dalam arus cinta yang sebenar kasih monyet.

Lalu mereka berdua berlomba-lomba untuk menelusuri erti cinta dan mereka lupakan seluruh dunia. Bagi pasangan yang dilandai cinta monyet, mereka ingin selalu bersama kerana segala sesuatu itu indah. Mereka ingin berjalan bersama di bawah hujan, duduk bersama, membelai dan mendekap. Mereka terserap dalam bisikan yang panjang.....

### 2. CINTA SEJATI


Steve bertemu dengan Alice Lee, pemudi yang disukainya. Namun, Steve tidak mengikut perasaannya. Dia berusaha mengenal Alice dengan lebih baik. Mereka saling mengenal sikap masing-masing terhadap hidup, cita-cita mereka dan sifat mereka. Steve sering mendorong Alice dalam kehidupannya. Mereka belajar menyelesaikan pertengkaran yang terjadi pada persahabatan mereka. Mereka juga tahu cinta mengambil waktu untuk bertumbuh. Cinta mereka juga mengalami ujian waktu.

(1) Perbezaan apakah antara dua jenis cinta ini?

---

(2) Kesan-kesan negative apakah yang akan timbul dalam cinta monyet?

---



## SIFAT-SIFAT YANG SAYA INGINI DARIPADA TEMAN LELAKI SAYA 1 Samuel 16:7

Tetapi bersabda Tuhan kepada Samuel, "Janganlah memperhatikan tingginya atau rupanya. Aku telah menolak dia kerana aku melihat bukan seperti dilihat manusia. Manusia melihat yang di depan mata, tetapi aku melihat di dalam hati."

Sebelum Tuhan mencari seorang raja, dia terlebih dahulu melihat isi hatinya. Seperti Tuhan yang perlu membuat kepastian sewaktu memilih orang, demikian juga kita perlu mempertimbangkan sifat-sifat yang kita ingin daripada teman lelaki kita.

Bagaimanakah saya tahu pemuda itu teman lelaki yang sesuai untuk saya? Setengah-tengah pemuda-pemudi berkata "saya takut memilih teman hidup saya." Saya takut terperangkap dengan seseorang yang saya tidak cinta sepanjang hidup saya.

**Lingkarkan sifat-sifat yang anda inginkan daripada teman lelaki kamu.**

1. Kacak
2. Tinggi
3. Kurus
4. Bahasa dan bagsa yang sama
5. Pandai
6. Sederhana
7. Mesti mengasihi Tuhan
8. Bertanggungjawab
9. Lemah lembut
10. Memiliki karunia bermuzik
11. Andai bercakap
12. Mengasihi anak-anak
13. Berpakaian fesyen baru
14. Tidak boleh minum arak atau merokok
15. Potongan tubuh yang cantik
16. Mesti mempunyai rambut yang panjang

### Tuliskan setuju/ tidak setuju

Ketika memilih teman lelaki saya mesti mempertimbangkan:

- a. Kita mesti mempunyai tingkat kerohanian yang sama.  
Setuju/tidak setuju
- b. Kita mempunyai kemampuan yang sama.  
Setuju/tidak setuju
- c. Kedua-duanya telah menyerahkan diri kepada Tuhan untuk melakukan kehendak-Nya.  
Setuju/tidak setuju



### Bimbingan Alkitab

1. Ketika memilih teman lelaki, patutkah kita hanya memperhatikan rupa orang itu? (1 Samuel 16:7, 1 Petrus 3:3-6)
- 
- 

2. Bolehkah seorang Kristian bernikah dengan seorang yang beragama lain? (II Korintus 6:14)
- 
- 

3. Jenis kehidupan rohani apakah yang harus dimilikinya? (Rom 8:5, Yahya 15:9, Rom 12:1-2)

---

---

4. Tabiat jenis apakah yang harus dimilikinya? (Galatia 5 :16-26, Efesus 5:1-3)

---

---

### **Pantun Cinta**

1. Dua tiga kucing berlari,  
Mana nak sama kucing belang,  
Dua tiga boleh dicari,  
Mana sama adinda seorang.
2. Kalau padi katakan padi,  
Tidak saya tertampi-tampi,  
Kalau jadi katakana jadi,  
Tidak saya ternanti-nanti.
3. Burung merpati berterbangan bebas,  
Kembali ke sarangnya juga,  
Perasaannya ingin bebas,  
Namun hatinya terpaut juga.
4. Durian sama berduri,  
Isinya berlainan rasa,  
Hati ini siapa yang curi,  
Youlah pada hari selasa.
5. Anak udang dipanggang saja,  
Hendak direndang tidak berkunyit,  
Anak orang dipandang saja,  
Hendak alamak tidak berduit.

### **TEMAN LELAKI YANG SEJATI**

#### ***Mempunyai banyak segi***

Lemah lembut, penuh semangat, melindungi, suci dan mempunyai pandangan yang luas.

#### ***Memancarkan***

Nilai yang luhur, perhatian dan minat tulus terhadap kebahagiaan dan kesejahteraan pasangannya.

#### ***Memberi Galakan***

Semangat untuk bekerja, kreatif, ingin mendewasa, maju dan mempunyai tujuan yang berharga dan baik.

#### ***Saling memberi***

Pendapat, perasaan, pendirian, cita-cita, pengharapan dan kesukaan; semuanya bukan untuk diri sendiri.

#### ***Bersepadu***

Tidak lagi menggunakan gantiname "saya" untuk segala yang dirancangkan atau difikirkan, sebaliknya "kita" digunakan.

#### ***Kenyataan***

Kesalahan, kelemahan dan kesulitan yang dihadapi bersama sebagai sebahagian kenyataan untuk memupuk perhubungan yang akrab.

***Berubah dan mendewasa***

Waktu penguji yang paling baik. Jika perhubungan bertumbuh melalui pelbagai pasang surut emosi, perkutuan yang akrab, pengembangan minat serta menghayati minat bersama, segala hal akan bertumbuh sewaktu bersama.

Dikutip daripada, "When You Marry"

**BAB 8  
SEKS DI LUAR PERNIKAHAN  
HATI-HATI MENJAGA DIRIMU**



Judy Wong memperhatikan adiknya yang berdiri di beranda yang sedang bercakap-cakap dengan Chung Hwa, teman lelakinya. Mereka baru pulang. Sudah larut malam. Judy melihat jam tangannya, sudah jam tiga pagi. Adiknya dan teman lelakinya masih tenggelam dalam arus percintaan yang mengalir begitu mendalam. Rumput-rumput di halaman rumahnya sedang mengigil menahan kedinginan. Bagi kedua insan ini, kehangatan cinta mereka pun menyebabkan mereka melupakan kedinginan malam itu.

Judy tidak dapat tidur. Alangkah lamanya, mereka berada di halaman rumah. Judy cuba melihat mereka daripada sela dinding. Sesaat kemudian dilihatnya dua anak muda itu berciuman. Sesekali suara ketawa mereka menembusi pintu kamar Judy serta menghinggap di telinganya.

Judy berkeringatan, kuarir, takut dan marah juga. "Mala mini juga saya harus bercakap dengan adik saya supaya dia menjaga batasnya dalam pergaulan."

"Sama sekali kakak tidak melarang kau memandu kasih dengan Chung Hwa. Sebagai remaja, hati-hatilah menjaga dirimu.."

***Seks di luar pernikahan***

Seks di luar pernikahan itu sesuatu perbuatan yang kita izinkan? Pemuda-pemudi sering dipengaruhi oleh nilai-nilai yang baru. Sikap mereka, cara mereka berfikir, perbuatan mereka sering dipengaruhi oleh teman mereka dan arus-arus perubahan zaman.

Seorang anak remaja pernah berkata kepada ibubapanya. "Mak, pemuda-pemudi kini tidak berfikir seperti pemuda-pemudi zaman dahulu. Nilai-nilai kini sudah jauh berbeza daripada nilai dahulu?"

Televisyen, buku-buku dan majalah-majalah memaparkan perubahan nilai-nilai kehidupan di masyarakat Malaysia. Pandangan tentang seks dan pernikahan jauh berlainan dengan nilai yang dijunjung oleh masyarakat dahulu.

Di ruangan ini jelaskan pandangan anda dan teman-teman anda tentang seks.

**A. Di bawah tertulis beberapa pandangan mengenai seks. Tuliskan benar atau salah, kemudian jelaskan pilihan anda.**

**1. Sikap "playboy" dan "playgirl"**

Seks itu seronok. Tidak kasih kalau kita mempunyai ramai teman wanita atau teman lelaki, dan bebas bergaul dalam hal seks.

**Benar/salah.**

**2. Pandangan humanism**

Seks itu bagus dan harus dinikmati. Tetapi anda harus menilainya lebih tinggi daripada seks yang dilakukan oleh binatang. Anda mesti menghargai teman wanita anda dan mengasihinya.!

**Benar/salah**

3. Selagi kami saling mengasihi kami dapat melakukan apa yang kami ingini.

**Benar/salah**

4. Semua orang sedang melakukannya. Kenapakah kita harus menunggu perhubungan seks sehingga perkahwinan kita?

**Benar/salah**

5. Apa salahnya bersekedudukan? Asal kami saling cinta mencintai? Akhirnya, kami juga akan berkahwin.

**Benar/salah**

6. Perasaan cinta telah mendesak kami berbuat demikian.

**Benar/salah**

7. Penguasaan diri dalam hal perhubungan seks itu tidak baik untuk kesihatan

**Setuju/tidak setuju**

8. Saya akan kehilangan sesuatu kalau tidak mencubanya.

**Setuju/ tidak setuju**

9. Pemuda-pemudi yang kurang disayangi di rumah akan berasa rendah diri dan kurang penghargaan daripada ibubapa mereka. Oleh kerana itu mereka mencari teman yang dapat member kepuasan perhubungan seks di luar rumah.

**Setuju/tidak setuju**

10. Tindakan seks di luar pernikahan adalah salah satu cara untuk melepaskan diri daripada kejenuhan, ketegangan dan beban hidup.

**Setuju/tidak setuju**

11. Tuhan telah member kepada perempuan dan lelaki satu daya tarik terhadap satu sama lain serta satu keinginan untuk jatuh cinta. Seks merupakan pemberian Tuhan hanya dalam rangka pernikahan.

**Setuju/tidak setuju**

12. Seks itu ialah sesuatu yang membahayakan.

**Setuju/tidak setuju**

13. Seks bukan suatu batu ujian untuk cinta. Ia akan memusnahkan cinta pada saat ia diuji.

**Setuju/tidak setuju**

14. Mementingkan diri sendiri dan mengikut hawa nafsu sendiri telah menyebabkan teman lelaki memaksa teman wanitanya mengadakan perhubungan seks sebelum bernikah. Ketakutan ditinggalkan teman lelaki telah menyebabkan teman wanita tersangkut dalam perangkap mereka.

**Setuju/tidak setuju**

15. Ciuman dan pelukan yang tidak bertujuan mengadakan hubungan seks, merupakan ransangan yang dapat membahayakan pasangan yang bercinta.

**Setuju/tidak setuju**

**B. KESAN-KESAN NEGATIF SEKS DI LUAR PERNIKAHAN.**

Di bawah tersedia "perkataan-perkataan" yang menjelaskan akibat negative yang akan terjadi pada seseorang akibat seks yang di luar pernikahan.

Cuba tuliskan ayat-ayat yang lengkap untuk setiap perkataan. Jelaskan bagaimana seks boleh mempengaruhi aspek-aspek kehidupan ini.

1. Rendah diri

---

2. Tidak lagi saling menghormati

---

3. Kehamilan

---

4. Penyakit

---

5. Ketakutan

---

6. Kecurigaan

---

### **C. Tinjauan seks dari sudut Alkitab**

1. Benarkah seks itu anugerah daripada Tuhan? (1 Timotius 4:3, 4 Kej. 1:31)

---

---

2. Bagaimanakah seks digambarkan dalam Alkitab? (I Tesalonika 4: 1-6)

---

---

3. Kenapakah seorang pemuda Kristian harus menjaga batas sewaktu bercinta? (2 Tim 2: 22; 1 Tes 4: 4, 4; Matus 15: 18; 19; I Korintus 6: 17-20)

---

---

---

4. Sifat-sifat apakah yang kita harus tuntut dalam diri seseorang, selain daripada rupanya? (I Petrus 3: 3- 6)

---

---

---

5. Apakah kehendak Tuhan untuk kehidupan kita? (I Tesalonika 4:3, 4)

---

---

---

6. Mengapakah seseorang Kristian harus berbeza dalam cara pengualan mereka? (I Tesalonika 4:7, 8)

---

---

---

7. Mengapakah kita harus menjaga kesucian dalam kehidupan kita? (I Kor. 3:16)

---

---

---

8. Apakah nasihat Paulus tentang persahabatan kita dengan orang yang tidak menjaga batas dalam pergaulan? (I Korintus 5: 11)

---

---

---

9. Bagaimanakah kita harus bersikap jika orang yang berdosa membujuk kita untuk berbuat bertentangan dengan prinsip Kekristianan? (Bidalan Amsal 1: 10, 15, 16)

---

---

---

10. Untuk memastikan agar kita tidak sesat dalam pergaulan kita, tindakan apakah yang perlu kita pegang? (II Pet 3: 17-18)

---

---

---

## **Pegangan Peribadi**

### **Tandakan jawapan yang betul**

- 1. Dalam hal pergaulan dan seks saya.**
  - a. Mempunyai falsafah Kristian yang positif.
  - b. Masih mempunyai keraguan dan tidak terlalu jelas akan hal ini.
  - c. Mengikut pegangan pemuda-pemudi semasa.
  
- 2. Sewaktu memilih teman lelaki.**
  - a. Berhati-hati.
  - b. Mengambil sesiapa saja tanpa mempedulikan akibatnya.
  - c. Memilih orang yang juga berprinsip Kristian.
  
- 3. Saya berusaha mencari informasi tentang seks.**
  - a. Saya mempunyai sedikit pengetahuan tentang seks.
  - b. Tidak berminat dalam hal seks.
  - c. Selalu mencari informasi seks dari sumber yang salah.
  - d. Tidak pernah berbincang tentang perkara ini dengan sesiapa pun.

#### **4. Sewaktu saya keluar dengan pacar saya.**

- a. Saya mempunyai rancangan yang baik.
- b. Hanya mahu hilangkan kebosanan saya.
- c. Selalu kelam kabut.
- d. Membisu, gentar dan berasa bodoh saja.

#### **Kes-kes.**

Ramai anak remaja terlibat dalam seks di luar pernikahan bukan kerana nafsu seks yang tidak terkawal. Banyak faktor lain menyebabkan anak remaja terjerumus dalam perbuatan ini sebagai tindak balas. Baca kes-kes di bawah dan pilih masalah mereka yang terutama.

1. Sewaktu Swee Lang menghadapi waktu keremajaanya, dia sungguh keliru. Ibunya asyik berjudi sepanjang hari dan ayahnya pula jarang pulang ke rumah. Swee Lang gembira sewaktu mengikut serombongan para remaja yang suka bergadang bahu. Mereka sering bermabuk-mabukan, merokok, membaca dan menonton filem porno dan menjadi kaki disko, bahkan menjalin perhubungan seks.

#### *Masalahnya :-*

- a. Kurangan kasih sayang daripada ibubapa.
- b. Kurang contoh yang baik.
- c. Kurang penerimaan daripada keluarga.

2. Ibu Seng membuat 1001 macam peraturan di rumah. "Tidak boleh...." Sering kedengaran di rumah. Seng berasa dia ingin berbuat sesuatu yang berlawanan dengan kehendak dan peraturan yang ditetapkan oleh ibubapa. Seng senang menjalin perhubungan dengan gadis-gadis dan suka balik larut malam sewaktu dia baru berumur 16 tahun.

#### *Masalahnya.*

- a. Ingin kebebasan
- b. Pemberontakan yang dinyatakan dengan kesengajaan untuk melawan segala peraturan
- c. Perlu mencari identity sendiri.

3. Rebecca selalu dipukul oleh ibunya. Seringkali ibunya menceritakan kelemahan Rebecca kepada teman-temannya. Oleh kerana dia masih kecil dia tidak berdaya berbuat apa-apa. Tetapi ketika menjelang keremajaannya, dia bermusuhan dengan ibunya. Dia sengaja tinggal bersama dengan sahabat lelakinya sehingga hamil.

#### *Masalahnya:-*

- a. Membalas perasaan bencinya.
- b. Menunjukkan kemampuannya.
- c. Menarik perhatian ibunya.

## **BAB 9 SIKAP PEMUDA KRISTIAN TERHADAP PORNOGRAFI**

### **Ertinya Pornografi.**

Istilah Pornografi berasal daripada perkataan Yunani *porne* (pelacur) dan *graphia* (tulisan). Menurut Kamus Webster, pornografi ialah suatu gambar, lukisan atau tulisan mengenai para pelacur dan pekerjaan mereka.

Kini pornografi diertikan sebagai tulisan, gambar, video, filem-filem televisyen dan sebagainya yang dapat merangsang keinginan hawa nafsu, seksual. Melalui pornografi, seks diperdagangkan dalam iklan, film dan buku.

**Pornografi hanya memusatkan perhatian pada:-**

- a. teknik seks dan anggota-anggota tubuh
- b. porno boleh merangsangkan seks dengan bertukaran teman, sewaktu mengadakan hubungan seks.
- c. seks yang kejam; seperti merogol dan menyiksa perempuan.

**Tandakan ( X ) kesan-kesan yang mungkin timbul jika seorang pemuda terjerumus dalam pornographi.**

- 1. Pornografi boleh menambahkan pengetahuan seks seseorang. ( )
- 2. Pornografi boleh menguatkan perhubungan cinta. ( )
- 3. Pornografi boleh menghancurkan moral seseorang. ( )
- 4. Ia akan menghancurkan moral seseorang. Oleh kerana pornografi merangsang hawa nafsu ( ) seksual, maka dorongan untuk memenuhi nafsu akan menghancurkan moral pemuda-pemudi.
- 5. Seseorang akan berasa serba salah dan akan mengalami tekanan jiwa. ( )
- 6. Kalau dia selalu menonton dan membaca media pornografi, dia akan menjauhi dirinya ( ) daripada dunia kenyataan dan memasuki dunia khayalan.
- 7. Pornografi memberi pandangan yang salah tentang percintaan. Seorang pemuda mungkin, ( ) akan salah faham bahawa percintaan itu hawa nafsu semata-mata.
- 8. Seseorang pemuda yang gilakan pornografi akan mengorbankan kehidupan rohaninya. ( ) Persekutuan dan kehendak Tuhan tentang kesucian tidak dihiraukan oleh dia.
- 9. Kalau seseorang sudah berusia lebih daripada 21 tahun, dia boleh menonton "blue film" ( ) (Filem Lucah).
- 10. Menonton " blue film" hanya untuk penghiburan dan bukan penagihan, tidak akan ( ) menimbulkan kesan buruk.
- 11. Solo seks atau masturbasi, free seks, seks dengan pelacur mungkin akibat dari ( ) pengaruh-pengaruh yang diterima oleh seseorang daripada pornografi.
- 12. Kalau seseorang mempunyai pendirian dan keyakinan peribadi yang kuat, apabila melihat ( ) film pornografi, itu tidak akan menggoncangkan imannya.

**Renungan Aikita**



1. Apakah yang dinasihatkan oleh Alkitab tentang sikap kita terhadap kejahatan? (I Tesalonika 5: 21-22)

---

---

---

2. Apakah yang menjadi kehendak Tuhan untuk kehidupan kita? (I Tesalonika 4:3)

---

---

---

3. Akibat apakah yang akan terjadi kepada seseorang yang selalu mencari hawa nafsu yang rendah seperti menonton film yang bermoral rendah? (Ibrani 12:14-17). Sebaliknya, apakah yang harus dikejakannya?

---

---

---

4. Fikiran bagaimanakah yang memperkenankan Tuhan? (Filipi 4:8)

---

---

---

#### **Ibadah**

**Tuhan tolonglah kami agar menjauhi segala yang dapat membawa kami dalam percubaan. Kami tahu bahawa menonton mahupun membaca buku-buku lucah akan mengotori fikiran kami dan menimbulkan pengaruh jahat.**

## **BAB 10 PENCUBAAN HIDUP**

**PENCUBAAN DAN FIRMAN TUHAN. "PERINTAHKAN BATU-BATU INI MENJADI ROTI," KATA IBLIS KEPADA TUHAN YESUS (MATIUS 4 : 3)**

### **Percubaan**

Biasanya, kita berfikir bahawa percubaan bererti seseorang dipengaruhi untuk melakukan kesalahan atau melakukan kejahatan.

Percubaan merupakan suatu cabaran kepada seseorang untuk berpaling daripada Tuhan dan kehendak -Nya. Ia merupakan pengujian terhadap sabda Tuhan dan rancangan Tuhan bagi kehidupan kita. Yesus menghadapi Iblis dengan sabda. Matius 4: 1-11 menceritakan tentang pertemuan Yesus dengan iblis di padang belantara.

### **A. Isikan tempat kosong di bawah dan jelaskan sikap Yesus ketika menggalakan Iblis.**

1. Yesus telah menguasai sabda Allah dengan baik. Dia telah mengutip sabda Tuhan sewaktu menghadapi iblis. Kita mesti menguasai sabda Tuhan dengan baik supaya dapat bersandar pada Tuhan. Selidki Ulangan 8: 3, 6: 16, 6: 13 dan Mazmur 91: 11-12, dan cuba bandingkan dengan perkataan Yesus dalam Matius 4: 1-11.

---

---

2. Bagaimanakah iblis cuba mengodai Tuhan Yesus? Perhatikan Perkataan yang digunakan oleh iblis.

---

---

**Percakapan Melalui Telefon**  
**Drama Singkat**



Kelas kita akan menyampaikan satu drama mengenai percubaan yang sering terjadi pada hari ini.

Orang pertama menelefon: "Hello, selamat pagi. Bolehkah saya bercakap dengan Cik Lee."

*Cik Lee* : Ya, Cik Lee sedang bercakap.

*Susan* : Saya mempunyai masalah sulit yang perlu saya bincangkan dengan Cik Lee . Minggu yang lalu, beberapa teman saya sedang bercakap tentang kertas Ujian STPM yang ter bocor. Kertas-kertas itu sudah tersebar di kalangan teman-teman saya. Haruskah saya mendapatnya dan tentu saya tidak mahu dikalahkan oleh mereka dalam peperiksaan saya.

**Apakah pendapat Cik Lee? Patutkah saya mendapat kertas-kertas ter bocor itu?**

- Jenis nasihat apakah yang akan anda berikan kepada murid anda kalau anda Cik Lee?
- Kalau anda adalah salah satu, calon STPM, apakah anda juga akan cuba mendapat kertas ujian tersebut?

C. Wang, bakat, pakaian dan kemudahan-kemudahan adalah sebahagian daripada pemberian Tuhan. Namun ramai orang dicubai untuk menggantikan Tuhan dengan benda-benda Ini.

Letakkan ( X ) pada perkara-perkara yang mungkin akan uji anda untuk mementingkannya lebih daripada Tuhan.

- \_\_\_\_\_ video
- \_\_\_\_\_ wang
- \_\_\_\_\_ pakaian yang berfesyen baru
- \_\_\_\_\_ keinginan untuk menjadi seorang yang terkenal
- \_\_\_\_\_ keinginan menjadi seorang penyanyi yang terbaik

**Renungan Alkitab**

Kita semua mempunyai objek percubaan dan tidak ada seorang pun yang dapat mengatakan dia tidak pernah dicubai. Di bawah tercatat beberapa ayat-ayat Alkitab. Cuba berbincang dengan pasangan anda dan jelaskan erti setiap ayat.

1. Korintus 10: 11-13

---

---

2. Matius 26: 41

---

---

**D. Cerita ini diringkaskan daripada karya Mark Twain. Orang yang merosakkan Haldleyburg.**

Hadleyburg merupakan sebuah kota yang terkenal dengan kejujuran dan ketegasannya dalam segala urusan. Reputasinya tidak pernah dipersoalkan sejak beberapa generasi. Semua rakyat di Kota Hadleyburg begitu bangga dengan diri sendiri. Bagi memperkukuhkan kebaikan mereka, maka mereka mengajar kejujuran kepada bayi mereka. Mereka menjunjung pegangan, "Kalau melentur alur biarlah dari rebungnya." Pegangan kota itu jangan bawa kami ke dalam pencubaan?

Alangkah malangnya, seorang penduduk kota ini telah menyakiti hati seorang asing. Dia ingin membalas dendam. Dia telah merancang banyak kejahatan terhadap kota itu. Namun semua rancangannya gagal kerana kota itu terlalu kukuh dan jujur. Akhirnya, dia mempunyai strategi yang paling baik. Satu strategi yang dapat meruntuhkan kota itu. Dia menulis sepucuk surat yang dapat merosakkan seluruh akhlak kota itu.

Tuan,

"Saya seorang asing yang berada dalam perjalanan ke negara saya. Saya terhutang budi kepada salah satu anggota rakyat negara ini. Sebenarnya saya terhutang budi kepadanya untuk dua perkara. Saya pernah menjadi seorang penjudi yang tidak mempunyai pengharapan. Pada suatu malam, saya tiba di kampung ini dengan tidak memiliki sesen pun. Saya meminta pertolongan daripada orang yang tepat. Dia telah memberi saya \$20 dan juga member nasihat yang telah mengubah kehidupan saya. Orang ini patut dihadahi dengan istimewa.....Bersama dengan surat ini saya kirimkan sebeg wang kepadanya. Tolonglah cari orang tersebut."

Yang ikhlas,  
X

Ramai orang dating untuk meminta wang itu. Maka terjadilah banyak kes pembohongan, rancangan pembunuhan dan penipuan. Rancangan orang ini jauh lebih baik daripada menanam bom atom di kota tersebut. Akhirnya, semboyan kota itu berubah menjadi "bawalah kami dalam percubaan?"

1. Nyatakan tiga aspek yang dapat dipakai oleh iblis untuk mencubai umat Tuhan dari 1 Yahya 2:16

- a. Keinginan untuk memuaskan \_\_\_\_\_
  - b. Keinginan untuk memiliki \_\_\_\_\_
  - c. Keinginan untuk \_\_\_\_\_
- 

2. Bandingkan kejadian 3: 6 dan Matius 4: 1-11 dan lihat apakah iblis memakai strategi yang sama.

---

---

3. Bagaimanakah seseorang dapat menjauhi diri daripada pencubaan? (Mazmur 119:11)

---

---

**Peringatan apakah yang diberikan oleh Tuhan kepada kita di perenggan-perenggan berikut:**

1. Bidalan 1:10  
\_\_\_\_\_
2. Bidalan 4:14, 15  
\_\_\_\_\_
3. Efesus 5:11, 12  
\_\_\_\_\_
4. 1 Petrus 5:11, 12  
\_\_\_\_\_
5. Dapatkan doa menolong kita mengatasi percubaan? Markus 14:38, Matius 6:13  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. Apakah yang akan kita menangi kalau kita Berjaya mengatasi percubaan? (Yakub 1:3-4)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. Dapatkan Tuhan menjadi punca godaan? (Yakub 1:12-13)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Renungan Peribadi**

1. Siapakah yang sering mencubai saya?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Bilakah saya dicubai?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Bagaimana saya mengatasinya?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**KALAU KITA JATUH KE DALAM PENCUBAAN**

4. Kalau kita jatuh ke dalam percubaan, apakah yang Tuhan ingin kita lakukan? (1 Yahya 1:9)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Ibadah Kumpulan 1:** Bawalah kami dekat kepada-Mu Tuhan dan lindungi kami sewaktu percubaan melandai kami.

**Kumpulan 11 :** Sembunyikan kami di tapak tangan-Mu dan nyatakanlah kuasa-Mu.

**Semua :** Ya Tuhan, tangan –MU pelindung yang kukuh.



## **BAB 11 PERINTAH BARU**

### **KASIHILAH SATU SAMA LAIN**

**Lukas 13:34-35**, "Inilah perintah baru yang Aku berikan kepadamu: kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku telah mengasihi kamu, hendaklah kamu mengasihi sesama sendiri. Jika kamu mengasihi sesama kamu sendiri, semua orang akan mengetahui kamulah pengikut-pengikut Aku"

#### **A. Lakonkan kedua sandiwara ini dan perhatikan perbedaannya.**

**Pencerita :** Chin Kaw seorang anak yang nakal dan tidak bersopan santun. Namun Yahya berasa mengasingkan Chin Kaw daripada persekutuan itu sepatutnya bukanlah sikap orang Kristian.

**Mary :** Hi, kamu sudah melihat Chin Kaw hari ini? Pasti dia tidak menyisir rambutnya. Ha! Ha! Sudah tentu dia tidak melihat dirinya di cermin pagi ini.

**Siew Keng :** Perlukan kita memberi dia sisir rambut? Ha! Ha!

**Meng Meng :** Perlu tak kita memberi dia Wellaform dan minyak wangi

**Pencerita :** Seluruh kumpulan perempuan dan lelaki menertawakan Chin Kaw ketika mereka sedang menikmati hidangan mereka di kantin.

**Yahya :** Saya berasa kita seharusnya tidak menertawakan Chin Kaw. Kita seharusnya menerimanya sebagai teman kita.

**Mary :** Engkau gila! Jangan suruh Chin Kaw ikut kumpulan kita.

**Meng Meng :** Ya, mungkin Tuhan Yesus akan menerimanya dalam kumpulan kita.

**Siew Kheng :** Saya tidak akan menjadi anggota kumpulan ini kalau engkau menerimanya!.

#### **B. LAKONKAN**

Sikap Yesus terhadap orang yang tidak di terima oleh masyarakat (Lukas 19:1-10).

**Pencerita :** Yesus berjalan melalui kota Yerikho, di sana tinggal seorang pemungut cukai yang bernama Zakeus.

**Penduduk :** Engkau kelihatan bodoh memanjat ke atas dahan. Tentu Yesus tidak mahu bergaul dengan engkaulah!

**Tuhan Yesus :** Zakeus turunlah daripada pohon itu, temanku. Saya mahu ke rumahmu.

#### **Bincangkan perbezaan antara sikap teman –teman Chin Kaw dan sikap Tuhan Yesus terhadap Zakeus.**

a. Bagaimana Tuhan Yesus bersikap terhadap orang yang tersingkir dalam masyarakat? (Lukas 19:5)

---

b. Sikap apakah yang diharapkan oleh Tuhan Yesus daripada teman-teman Chin Kaw.

---

**Baca Yahya 11: 4, 28, dan bandingkan dengan cerita berikut.**

"Swee Lang, saya tidak dapat dengar percakapan engkau. Bolehkah engkau bercakap lebih lantang," kata Alice kepada Swee Lang.

"Ya, adikmu baru meninggal dunia.....Ya, mungkin saya akan cuba datang."

"Mak, adik Swee Lang baru meninggal dunia. Haruskah saya ke rumahnya? Ibu saya tidak pandai menghibur orang lain!"

1. Bagaimanakah Tuhan Yesus bersikap terhadap orang yang sedang berkabung? (Yahya 11: 6-33).

---

---

2. Tindakan apakah yang dikehendaki oleh Tuhan Yesus daripada Alice?

---

---

3. Bagaimanakah kamu boleh menghibur orang yang sedang berkabung?

---

---

**Bandingkan cerita ini dengan Lukas 10: 25-37.**

Meng Hwa terdengar keluhan kesakitan dari belukar di belakang rumahnya. Ketika dia mendekati belukar itu, dia ternampak seorang lelaki berada dalam keadaan hamper tidak sedar, Dia cepat-cepat mengangkat kaki dari sana.

Beberapa hari kemudian, penduduk kampung menjumpai pemuda yang mengambil terlalu banyak dadah itu mati tanpa ketahui orang lain.

1. Haruskan orang Kristian menolong orang lain yang berada dalam kesusahan?

---

---

2. Apakah yang Tuhan Yesus ingin dilakukan oleh Meng Hwa?

---

---

3. Jelaskan perbezaan sikap antara orang Samaria dan orang lain yang melewati orang yang cedera itu?

---

---

**Baca 1 Korintus 13: 4-12 dan berikan perkataan yang tepat untuk ruangan kosong ini :-**

a. Saya baru pulang dari sekolah. Ibu saya mengomel-mengomel. Saya tunjukkan sikap sabar.

---

b. Seorang perempuan terjatuh dari bas. Saya berbaik hati serta menolong dia untuk berdiri.

---

c. Saya pandai dalam bidang muzik. Saya rela menggunakan bakat dengan rendah hati.


---

d. Seorang buta melintas jalan. Saya menolong dia.

- 
- e. Kek Strawberi sungguh enak, saya sudi menyimpan sebahagian untuk adik saya.
- 
- f. Saya selalu bersikap baik dengan adik.
- 

### Penilaian Peribadi

1. Saya berpendapat bahawa saya adalah seorang yang:-
- mempunyai kasih.
  - mempunyai sedikit kasih.
  - kejam, jahat, angkuh, mementingkan diri, gong kosong.
  - tergantung kepada orang lain.



## BAB 12 KASIHILAH MUSUHMU



### BERDOALAH BAGI MUSUHMU

Kamu telah dengar: "kasihilah sahabat-sahabatmu dan bencilah musuhmu. Tetapi sekarang aku berkata kepadamu: kasihilah musuh-musuhmu, dan berdoalah bagi orang-orang yang menganiaya kamu" (Matius 5:3-45)

A. Bandingkan dua cerita ini dan cuba lihat perbezaan sikap mereka.

I. Inilah satu cerita mengenai seorang Yahudi yang pernah berada di penjara Mauthausen di Poland. Suatu hari, dia ditugaskan di sebuah rumah yang disediakan sebagai hospital bagi askar-askar orang Jerman yang tercedera. Seorang Jerman mendekatinya dan meminta supaya dia pergi ke rumah

sakit itu kerana seorang askar mahu bercakap dengan dia. Askar itu meminta agar Wiesenthal sedia memaafkan dia kerana dia telah banyak berdosa terhadap orang Jerman. "Wiesenthal tolong maafkan aku demi orang Yahudi. Saya pernah membunuh perempuan dan anak-anak kecil orang Yahudi....." Wiesenthal melepaskan tangannya dan tidak rela memaafkannya.

Bukankah dia musuh orang Yahudi. Ketika Wiesenthal menulis bukunya "The Sunflower", dia menanyakan pendapat para pembaca tentang sikapnya terhadap askar tersebut. Semua pembaca berkata Wiesenthal telah melakukan yang tepat.

II. Bandingkan cerita ini dengan cerita Corrie Ten Boom. Corrie Ten Boom ditahan di penjara untuk beberapa tahun dan dia terpaksa mandi di depan begitu ramai askar-askar yang menertawakan mereka. Namun dia dapat melewati saat-saat kesengsaraan itu dengan baik dan telah mengampuni askar-askar tersebut. Dia mulai berkhotbah tentang pengampunan dan kasih Tuhan. Suatu hari, sesudah dia berkhotbah seorang lelaki bersalaman tangan dengan dia. Dialah salah seorang askar itu. Tangannya begitu dingin, "Oh Tuhan, tolonglah saya mengampuni dan mengasihi dia." Setelah dia berdoa, dia mampu mengulur tangannya dengan penuh 'kasih sayang.' Askar itu menjelaskan bahawa dia sudah mengenal Tuhan Yesus.

Bincangkan

1. Selidiki dua kes ini. Mudahkan bagi Wiesenthal dan Corrie Ten Boom mengampuni musuh mereka?

---

---

2. Kepada siapakah Corrie meminta pertolongan untuk mengasihi musuhnya?

---

---

3. Kalau anda pembaca Wiesenthal setujukah anda dengan Wiesenthal?

---

---

Untuk tunjukkan kebencian dan kemusuhan khususnya terhadap mereka yang melukai kita merupakan sikap biasa terhadap musuh kita. Tapi apakah yang dikatakan oleh Alkitab!

## **B. RENUNGAN ALKITAB**

Tuhan Maha Pengasih dan Dia tidak terbatas dalam kasih-Nya kepada manusia. Ayat-ayat ini menceritakan tentang kasih Tuhan.

1. Sejauh manakah Tuhan mengasihi kita? (Rom 5:8)

---

---

2. Bagaimanakah Tuhan bertindak terhadap musuh –musuhnya seperti yang dinyatakan dalam Rom 5: 10, Kolose 1: 21, 22.

---

---

3. Apakah yang dikatakan oleh ayat ini tentang kasih ( Bidalan 10: 12)?

---

---

4. Sikap bagaimanakah yang diharapkan oleh Tuhan Yesus daripada kita (Lukas 6: 35) terhadap musuh kita ? Apakah alasan –Nya?

---

---

5. Siapakah yang akan mengampuni anda jika anda rela mengampuni orang lain ? (Lukas 6: 37, Matius 6: 12)

---

---

6. Perbuatan apakah yang harus kita lakukan terhadap musuh-musuh kita? (Matius 5: 43-44)

---

---

**1. Cuba tanda (X) kalau anda bersikap sedemikian terhadap musuh-musuhmu.**



- a. Menertawakan mereka di depan mereka! ( )
  - b. Menertawakan mereka di belakang mereka dan mencipta pelbagai cerita mengenai mereka. ( )
  - c. Beritahu mereka bahawa mereka adalah binatang, raksasa atau kuntianak (puntianak) yang paling anda benci di dunia! ( )
  - d. Berpura-pura bahawa mereka tidak pernah dilahirkan di dunia ini. ( )
  - e. Berpura-pura bahawa engkau menyukai mereka tetapi tidak pernah memberitahu mereka bahawa mereka itu jijik. ( )
2. Siapakah yang saya anggap sebagai musuh?
- a. Mereka yang mencederai tubuh saya
  - b. Mereka yang menyebarkan khabar angin mengenai saya
  - c. Mereka yang menipu saya
  - d. Mereka yang mengeluarkan kata-kata yang pedas kepada saya
  - e. Mereka yang berbuat jahat kepada keluarga saya
3. Cuba tulis nama-nama orang yang anda benci dan mempunyai kesulitan untuk mengasihi mereka di ruangan kosong di bawah ini.  
Fikirkan tentang tindakan kasih sayang yang dapat anda tunjukkan kepada mereka, kemudian berdoa bagi mereka.
4. Saya mempunyai ramai musuh :-
- a. Ramai musuh
  - b. Hanya beberapa musuh sahaja
  - c. Saya tidak mempunyai musuh
5. Orang yang sering menyakiti hati saya :-
- a. Teman
  - b. Musuh
  - c. Orang asing dalam hidup saya
6. Saya membalas orang yang memusuhi saya dengan :-

- a. Kedinginan
- b. Cuba berteman dan mendoakan mereka
- c. Memusuhi mereka juga



Doa :-

Pemimpin Ibadah :- Tuhan, ampunilah dosa kami seperti kami mengampuni orang lain.

Semua : Ya Tuhan, hanya Engkau yang dapat memberi kami kekuatan untuk berlemah lembut.

Ibadah : Tuhan sucikanlah jiwa kami dan hilangkan setiap kebencian di dalam hati kami.


Tuhan yang dikasihi, bantulah saya untuk menunjukkan kasih saya kepada \_\_\_\_\_.

Terima kasih juga untuk kasih-Mu yang tidak berubah.

## BAB 13 SAYA AKAN MENYERTAI ENKAU SELALU

**Matius 26: 46-56**

**Penderitaan Dan Kesepian Hidup**



Tuhan Yesus pernah mengalami penderitaan dalam kehidupan-Nya. Dia memahami kesepian kita. Ketika Tuhan Yesus ditangkap, murid-murid-Nya meninggalkan Dia. Tindakan ini begitu menyedihkan hati Tuhan Yesus. Petrus, murid-Nya yang paling akrab pun meninggalkan dia pada saat yang genting itu.

Swaktu di kayu salib, Tuhan Yesus berasa seakan-akan Bapa-Nya telah meninggalkan Dia. Yesus berteriak dengan suara yang lantang, "Eloi, eloi, lama sabakhtani" yang bererti, "Ya Tuhan, ya Tuhan, mengapakah engkau meninggal aku?" (Markus 15:34).

Betapa sepi perasaan -Nya!

A. Saya sangat sepi apabila :- (Letakkan tanda di ayat yang paling sesuai).

\_\_\_\_\_ ketika semua orang keluar rumah pada malam Jumaat, kecuali saya.

\_\_\_\_\_ ketika semua orang mengetahui suatu rahsia kecuali saya.

\_\_\_\_\_ ketika saya berjalan sendiri di jalan raya.

\_\_\_\_\_ ketika saya berada di rumah sakit dan tidak seorang pun mengunjungi saya.

\_\_\_\_\_ ketika saya berada di Supermarket di tengah-tengah kesibukan!

### B. Isikan tempat kosong di bawah.

Cuba bayangkan perasaan Tuhan Yesus ketika menghadapi situasi berikut. Baca Markus 14: 32-39

1. Bila Dia kembali kepada pengikut-Nya dan Dia dapati mereka masih \_\_\_\_\_. Mereka tertidur. Dan mereka tidak tahu apa yang hendak dikatakan kepada Yesus. (Mark 14: 40)
2. Secepat \_\_\_\_\_ tiba, dia pergi kepada Yesus dan berkata, " Guru!" lalu \_\_\_\_\_ dia (Markus 14: 45)
3. Ketika itu semua pengikut-Nya \_\_\_\_\_ (Markus 14:50)
4. Cuba bayangkan perasaan Tuhan Yesus. Pada saat menjelang kematian-Nya, para murid-Nya tidak dapat menyokong dia dalam doa. Kadangkala kita kesepian. Perasaan ini lebih menyakiti kita terutama sekali ketika kita sedang menghadapi krisis dalam kehidupan dan tidak ada seorang pun yang mengerti.

### C. Hidup Ini Sungguh Susah

Ann berjalan di sepanjang pinggir pantai. Dia merenung krisis yang baru terjadi dalam kehidupannya. Ketika dia menatap pohon-pohon, dia mulai berfikir, "Kehidupan ini terlalu sulit ditempuh beberapa tahun ini. Sejak ayah meninggal dunia, keluarganya mengalami kesengsaraan. Mereka terpaksa menjualkan rumah mereka dan tinggal di rumah yang beratap bocor. Mereka sering kekurangan wang dan saudara-mara pun tidak pedulikan mereka." Teman di gereja hanya menyuruh mereka beriman kepada Tuhan sahaja.

Jika kamu seperti Ann, kamu akan berasa bagaimana

- a. Terhadap Tuhan \_\_\_\_\_
- b. Kehidupan kamu \_\_\_\_\_
- c. Keluarga kamu \_\_\_\_\_



D. Lihatlah perenggan di bawah ini dan kemudian bincangkan sikap Pemazmur ketika dia berasa sepi dan sedih. Keyakinan apakah mereka miliki terhadap Tuhan?

1. Mazmur 25: 6, 16

---

---

2. Mazmur 102: 1, 2,

---

---

3. Mazmur 6: 9

---

---

Lukis atau corakkan kad kepada orang yang sepi dan dilandai oleh pelbagai penderitaan.

### **Ibadah**

Pemimpin Ibadah :- Tuhan, tolonglah kami menyedari bahawa Engkau selalu menyertai kami ketika kami berasa sepi dan sedih.

Kumpulan 1 : Tuhan walaupun hati kami berasa sedih, tetapi kami tahu Engkau selalu menyertai kami.

Kumpulan 11 : Patutkah kami berasa sedih ?

Kumpulan 1 : Tuhan, kebijaksanaan Engkau tidak pernah gagal. Engkau mengetahui jalan yang kami tempuh.

Kumpulan 11 : Patutkah kami sedih?

Pemimpin Ibadah : Terima kasih, ya Tuhan kerana Engkau selalu menyertai kami. Dalam nama-Mu kami berdoa.

### **Menghadapi Kesepian**

Jawap "Ya" atau "Tidak" untuk soalan berikut :-

1. Jika saya sepi, saya bercakap-cakap dengan teman saya mengenai perasaan saya.

**Ya / Tidak**

2. Saya dapat menyelami diri saya dalam satu aktiviti sehingga saya lupakan perasaan sepi yang saya sedang tempuhi.

**Ya / Tidak**

3. Saya dapat menikmati keindahan alam untuk menghilangkan perasaan sepi saya.

**Ya / Tidak**

4. Saya boleh bergaulan akrab dengan teman supaya tidak kesepian.

**Ya / Tidak**

5. Saya selalu memupuk perhubungan yang bererti dengan saudara-mara ataupun keluarga sehingga tidak berasa kesepian.  
**Ya / Tidak**
  6. Saya cuba menghibur orang yang sepi, supaya saya tidak berasa sepi.  
**Ya / Tidak**
  7. Saya dapat melakukan sesuatu yang menyenangkan hatiku seperti; makan ais krim, menonton atau melakukan hobi yang menyenangkan hati saya  
**Ya / Tidak**
  8. Saya dapat menyembah, memuji dan merenungi firman Tuhan sehingga jiwa saya dihiburkan  
**Ya / Tidak**
- a. Jika jawapan anda semua Ya, ini bererti anda pandai melenyapkan perasaan sepi dengan cara yang kreatif.
  - b. Jika jawapan anda semua tidak, anda perlu mencari cara yang kreatif untuk masalah kesepian anda.
  - c. Jika jawapan anda separuh "Ya" dan separuh "Tidak", cuba tingkatkan kreativiti anda untuk mengatasi masalah kesepian anda.

## **BAB 14**

### **Ketika Perselisihan Fahaman Timbul**

#### **Latar belakang Alkitab: Kejadian 16 & 21: 1 -21**

Sifat manusia tidak berubah sejak zaman dahulu. Perselisihan fahaman mungkin akan timbul dalam pelajaran, permainan mahupun dalam pekerjaan kita. Pernah seseorang berkata, "di aman ada orang di situ ada perselisihan fahaman."

1. Di ruangan yang kosong ini, cuba tulis bagaimana anda menghadapi perselisihan fahaman dalam kehidupan anda.

#### **SARAH, ISTERI IBRAHIM YANG TIDAK DAPAT MELAHIRKANNYA ANAK.**



Perselisihan fahaman yang terjadi di antara Sarah dan Hagar menjadi sumber kesedihan di dalam keluarga Ibrahim. Tuhan menjanjikan Ibrahim akan menjadi bapa kepada semua keturunan. Beberapa

tahun telah berlalu namun Sarah tidak melahirkan anak. Ketika Sarah menyadari bahawa dia tidak melahirkan anak dia menyuruh Ibrahim menghampiri hambanya. Dia berkata, "Engkau tahu, Tuhan tidak memberi aku anak. Lebih baik engkau menghampiri hambaku dan memperoleh seorang anak.

Ketika Hagar hamil, dia memandang rendah terhadap puannya. Sarah mendesak Ibrahim upaya mengusir hambannya. Sarah memperlakukan Hagar dengan jahat sehingga dia terpaksa melarikan dirinya. Seorang malaikat menasihati Hagar untuk kembali kepada puannya. Hagar kembali dan melahirkan seorang anak. Anak itu dinamakan; Ismail. Tuhan berjanji akan memberi Sarah seorang anak.

Ketika Sarah melahirkan seorang anak, permusuhan muncul lagi. Ketika Sarah melihat anak Hagar menghina anaknya, dia mengusir mereka.

**Back Kejadian 17:1-5 dan perhatikan perjanjian yang diberikan oleh Tuhan kepada Ibrahim.**

1. Anak manakah yang telah dipilih oleh Tuhan untuk melanjutkan keturunan Ibrahim? (Kejadian 21:12)  
\_\_\_\_\_
2. Adakah Tuhan meninggalkan Hagar dan anaknya Ismail ? (Kej. 21: 17-21)  
\_\_\_\_\_
3. Kalau anda orang berikut, bagaimanakah anda akan bertindak terhadap anggota keluarga anda?
  - a. Ibrahim \_\_\_\_\_
  - b. Hagar \_\_\_\_\_
  - c. Sarah \_\_\_\_\_
  - d. Ismail \_\_\_\_\_
4. Marahkah Ismail terhadap bapanya? Perhatikan sikapnya dalam (Kejadian 25: 9)  
\_\_\_\_\_
5. Perkara apakah dalam kehidupan anda yang menyebabkan perselisihan faham dengan orang lain?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Letakkan **salah** atau **betul** pada kalimat-kalimat berikut:

- a. Seorang Kristian tidak boleh tunjukkan perasaan marahnya ketika perselisihan timbul.  
**Salah / Betul**
- b. Seorang Kristian mesti menyelesaikan perselesaiannya dengan berdoa.  
**Salah / Betul**
- c. Mengungkapkan perasaan, sangat penting ketika perselisihan muncul.  
**Salah / Betul**
- d. Simpanlah segala perasaan marah di hati dan berdoa.  
**Salah / Betul**
- e. Suruh Tuhan sembuhkan segala luka anda dan memperbaiki persahabatan anda dengan temanmu.  
**Salah / Betul**

**MENYEMBUKAN PERHUBUNGAN YANG RETAK**

Biasanya perkataan "mukjizat" didefinisikan sebagai suatu perbuatan ajaib yang melampaui peristiwa biasa. Kalau penyembuhan Tuhan yang ajaib terjadi atas seseorang yang menderita penyakit parah, kita akan menganggapnya sebagai mukjizat. Seringkali, ketika kuasa penyembuhan dan

pengampunan terjadi atas perhubungan yang retak tidak dianggap sebagai mukjizat.

"Nanti kakak beritahu emak."

"Beritahu siapa pun saya tidak takut!" saya membalas suara yang marah. Saya masih ingat pada suatu malam, saya pulang ke rumah dalam keadaan yang agak mabuk. Saya hanya berumur 15 tahun dan saya sering minum arak untuk menyakiti perasaan ibu bapa saya.

Malam itu saya bermabuk lagi. Pada hari esoknya, saya bangun dari tidur, masih berbau arak. Saya menjangkau sebotol arak dan minumannya lagi.

Ibu saya masuk ke bilik tidur saya. Saya sudah bersiap sedia untuk berperang mulut. Ibu saya duduk di tepi katil saya dan dengan suara yang lemah lembut, dia mulai menasihati saya.

"Daud, Jika mak pernahberbuat sesuatu yang salah terhadap Daud, tolong maafkan mak," kata ibu saya. Ibu saya kemudian beritahu saya bahawa dia sangat menyayangi saya. "Ibu harap Daud tidak akan melakukan sesuatu untuk mencederakan diri," kata ibu saya dengan suara yang lembut.

Saya begitu menyesal atas perbuatan diri saya ketika emak tinggalkan bilik saya. Kasihnya telah menyentuh hati saya. Tuhan bersabda kepada saya, "Kasih itu sabar..dan seharusnya saya tidak boleh melukai hati ibu bapa saya. Iman ibu saya menjadi sesuatu yang mengubah saya."



1. Menurut cerita di atas, apakah yang telah menyembuhkan perhubungan yang retak dalam keluarga Daud?  
\_\_\_\_\_
2. Bagaimanakah anda boleh menyembuhkan perhubungan yang retak dalam keluarga?  
\_\_\_\_\_
3. Mengapakah Daud begitu hairan dengan sikap ibunya?  
\_\_\_\_\_

### **Renungan Aliktab**

#### **Efesus Bab 4:**

1. Kehidupan bagaimanakah yang diinginkan oleh rasul Paulus daripada kehidupan kita? (Efesus 4: 22-24)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Bagaimanakah kita harus bersikap dalam percakapan kita? (Efesus 4: 25)  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3 Jika kita tidak menjalani kehidupan baru, siapakah yang akan sedih? (Efesus 4: 30)

---

---

4 Sikap apakah yang harus kita tinggalkan dalam kehidupan kita?  
(Efesus 4: 31)

---

---

5 Sebaliknya sikap apakah yang harus kita miliki sebagai anak Tuhan? (Efesus 4:32)

---

---

6 Sewaktu Euodia dan Sintikhe bertengkar, nasihat apakah yang diberikan oleh Rasul Paulus kepada mereka?


---

---

7 Apakah yang dikatakan oleh pemazmur tentang seorang yang baik? (Mazmur 112:6)

---

---



## **BAB 15 PENGAMPUNAN DAN FIRMAN TUHAN**

Yesus berkata, "ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak tahu apa yang mereka buat' (Lukas 23:34)

Yakub yang dikasihi,

Salam sejahtera dalam nama Yesus Kristus. Saya tidak terduga keadaan di rumah saya boleh menjadi kucar-kacir minggu ini. Minggu yang lalu, saya menuduh adik saya bukan Kristian yang sejati. Saya juga mengeluarkan banyak perkataan-perkataan yang tajam dan menyakit hati ibu saya. Saya kesal atas perbuatan saya. Hari itu juga ibu saya menuduh saya tidak menunjukkan sika Kekristianan saya. Keluarga saya masih perlu mempelajari sikap saling mengampuni antara sesama.

Yang benar,  
Meng Hwa

Bayangkan diri anda sebagai Yakub, balaskan surat Meng Hwa



- A. Kalau kita rela mengikut teladan Tuhan Yesus pasti kita dapat mengatasi saat-saat yang gelap dalam kehidupan kita. Baca Lukas 22:54-57; 63-65; 23:32-38. Cari golongan orang yang berbuat jahat terhadap Yesus atau mengecewakan hati-Nya. Seandainya anda Tuhan Yesus siapakah yang paling sulit diampuni?
- Petrus, seorang murid yang paling akrab yang telah menyangkal Diri-Mu
  - Askar-askar yang memperolok-olokkan Diri-Mu dan membuat mahkota duri bagi-Mu
  - Orang ramai yang mahu menyalibkan-Mu
  - Pontius Pilatus yang tidak mahu membela kamu.

Apakah yang dikatakan oleh Tuhan Yesus dalam Lukas 23:34?

- B. Ramai di antara kita tidak dapat mengambil langkah untuk mengampuni orang yang melukai perasaan kita. Baca senarai di bawah ini dan pilih yang manakah antaranya paling sulit anda ampuni. Kenapa?
- Ketika ayah saya membaca surat-surat cinta saya.
  - Ketika seseorang melukai anggota tubuh saya.
  - Ketika teman-teman saya memanggil saya dengan nama yang lucu.
  - Ketika seseorang memberitahu rahsia saya kepada orang lain.
  - Ketika teman lelaki saya memutuskan untuk menghentikan persahabatan kami.
  - Ketika seseorang tidak mempedulikan saya sama sekali.
  - Ketika seseorang mengatakan teman perempuan saya tidak cantik.
  - Ketika ibu saya melarang saya mendaki gunung Kinabalu.
- C. Kita akan menghadapi kesusahan kalau kita tidak mengampuni orang lain. Fikirkan beberapa kesulitan yang akan anda hadapi jika anda tidak mahu mengampuni orang lain.
- Perhubungan anda dengan orang itu.

---

- Perhubungan anda dengan Tuhan.

---

- Hatimu sendiri.

---

Renungan Alkitab

- Nasihat apakah yang diberikan oleh Yakobus kepada kita jika kita berdosa terhadap orang lain? (Yakobus 5:16)

---

2. Sebelum kita datang kepada Tuhan, kalau kita mempunyai perasaan dendam terhadap orang lain, apakah yang harus kita lakukan? (Matius 5:24)
3. Apakah yang dapat kita pelajari dalam perumpamaan ini mengenai pengampunan? (Matius 18:21-35)

*"Tuhan yang kami kasihi, kami mengucapkan syukur kerana Engkau telah menjadi teladan yang baik dalam hal mengampuni orang lain. Ajarlah kami untuk mengikut teladan-Mu. Dalam nama Anak-Mu yang kami kasihi" Amin.*

---

## JAWAPAN DAN BIMBINGAN

### **Kelompok Pengajian Alkitab**

Kelompok pengajian Alkitab tidak dibentukkan semata-mata hanya untuk mengaji Alkitab. Anda sebagai pembimbing atau anggota harus perhatikan perkara ini. Memastikan agar diri anda mendewasa dalam kasih dan pengetahuan Tuhan. Yang terpenting dalam kehidupan Kristian bukan semata-mata mempelajari firman Tuhan tetapi juga mentaatinya (Yahya 14:15)

Persahabatan antara anggota kelompok sangat penting. Hanya dengan persahabatan yang akrab kita boleh memahami masalah sesama, saling mendoakan dan mendewasa bersama. Anda boleh membawa makanan untuk dihidangkan selepas pengajian Alkitab.

Berdoa untuk sesama dan sediakan waktu untuk beribadah kepada Tuhan.

---

## **BAB 1 – HARGA DIRI SAYA**

### **Tujuan: Memupuk harga diri yang sihat.**

#### **Harga Diri**

Kesedaran diri itu satu ciri perkembangan dalam kehidupan seseorang." Siapakah saya?" sering ditanyakan oleh para remaja. Keyakinan diri, kasih akan diri sendiri, mengetahui kekuatan diri dapat menolong seseorang mendewasa dengan sihat. Galakkan para remaja untuk menceritakan diri mereka sendiri dan sejauh manakah mereka menghargai diri. Berilah ilham agar mereka menerima diri sendiri dan tahu bahawa Tuhan menghargai mereka.

#### **Harga Judy**

Cerita ini berusaha menolong para remaja memahami bahawa kasih dan penerimaan orang lain boleh menolong kita memperoleh harga diri yang sihat. Cinta seorang pemuda telah menolong Judy mengubah diri. Keyakinan dirinya juga bertambah lebih baik

#### **Saat berbincang**

1. Kasih dan perhatian seorang pemuda terhadap dia.
2. Kasih dan penerimaan orang lain dapat memengaruhi keyakinan kita. Kita berasa lebih bernilai di pandangan mata orang dan kita mempunyai sifat-sifat yang positif.
3. Pendapat negatif orang lain seharusnya tidak menggoncangkan keyakinan kita. Kita harus belajar daripada kesalahan kita. Jika pendapat itu tidak benar tidak usahlah pedulikannya.
4. Kalau kita memandang rendah terhadap diri sendiri, kedewasaan diri akan terhalang. Kita tidak berani bergaul dengan orang lain dan tidak tahu kekuatan kita.

### **Berhargakah kita di mata Tuhan?**

1. Kita sangat berharga kepada Tuhan sehingga dia rela mengorbankan kehidupan-Nya demi menyelamatkan kita daripada dosa. Kita dapat berdiri megah dengan harga diri yang positif kerana kita telah ditebus oleh Tuhan dengan darahnya yang bernilai. Kita sangat berharga dan sangat dikasihi Tuhan.
  2. Kita dicemari oleh dosa dan ini menyebabkan kita menjadi musuh Tuhan.
  3. Tuhan mengasihi mereka dan tunjukkan kasih-Nya kepada mereka.
  4. Dia membenarkan kita melalui kematian-Nya dan selamatkan kita daripada dosa.
  5. Kita harus berasa yakin dan bernilai sebagai anak Tuhan. Dosa kita telah dihapuskan oleh Tuhan. Dengan kekuatan-Nya, kita mempunyai kemampuan untuk hidup bagi Tuhan.
  6. Tuhan mengasihi kita sehingga setiap rambut di kepala kita pun dihitungnya (Lukas 12:6-7)
  7. Tuhan mengasihi kita sehingga dia rela mati bagi dosa kita (Yahya 3:16)
  8. Tuhan mengasihi dia sejak dia berada di rahim ibunya.
  9. Domba yang hilang itu sangat bernilai kepada gembalanya. Gembala rela menempuh kesulitan dan bahaya demi mencari domba yang sesat.
  10. Gembala telah menggadai nyawanya demi domba-dombanya.
  11. Tuhan telah membuat manusia hamper serupa dengan Tuhan. Dia telah mengurniakan manusia dengan segala kemuliaan dan penghormatan. Dia juga telah memberi manusia kuasa atas segala binatang dan tumbuh-tumbuhan.
  12. Tuhan rela memberi nyawanya demi melepaskan kita daripada dosa (Galatia 1:4)
  13. Orang yang kerasukan syaitan itu lebih bernilai daripada se kawan babi.
  14. Jika seseorang tidak mempunyai harga diri yang sihat mungkin dia:-
    - a. tidak mengetahui kemampuan sendiri
    - b. tidak berani bergaul
    - c. tidak mampu berkembang ke arah positif dalam kehidupannya
    - d. tidak mampu mengasihi orang lain kerana dia tidak mengasihi diri sendiri.
- 

## **BAB 2 – KONFLIK PARA REMAJA DENGAN IBU BANPA**

**Tujuan:** Menolong para remaja konflik yang dialami dengan ibu bapa mereka.

Para remaja yang berumur antara 12 hingga 16 tahun sering mengalami konflik dengan ibu bapa mereka. Salah satu sebab ialah para remaja ingin bebas dan bertanggungjawab dalam kehidupan mereka. Mereka ingin kebebasan dan tidak suka diperlakukan seperti kanak-kanak. Mereka mahu berhak memilih pakaian sendiri, teman sendiri, cara menggunakan waktu, waktu menonton televisyen, mengerjakan urusan rumah tangga dan sebagainya. Perasaan mereka tertekan jika selalu diawasi dan dikawal.

Ibu bapa mengasihi anak remaja mereka dan tidak mahu mereka memilih jalan yang salah. Kadangkala ibu bapa mengeluarkan tajam dan menyebabkan pertengkaran. Seorang remaja mungkin terluka perasaannya sehingga tidak lagi bercakap dengan ibu bapanya. Pembimbing harus menolong para remaja memahami bahawa ibu bapa mereka mengambil berat dan mengasihi mereka.

**Tandakan "Ya" atau "Tidak" serta jelaskan pilihan anda.**

1. Jawabannya mungkin "ya" atau "tidak" Dikalangan para remaja mungkin ada yang mengalami tekanan daripada ibu bapa mereka. Cuba galakan mereka untuk menceritaannya dan mendapat bimbingan yang diperlukan oleh mereka.
2. Anda harus menolong para remaja untuk memahami bahawa kadangkala ibu bapa mereka membuat keputusan demi kebaikan mereka. Ibu bapa mereka sayang kepada mereka dan tidak mahu mereka mengambil langkah yang silap dalam kehidupan mereka.
3. Wajarlah ibu bapa menuntut yang terbaik daripada para remaja kerana mereka ingin anak-anak mereka mengalami masa depan yang cerah. Para remaja tidak perlu berasa tertekan oleh keinginan ibu bapa mereka. Tuhan sudah memberi kita kebolehan yang berlainan dan kita harus berusaha mengembangkannya.
4. Memang waktu keremajaan merupakan waktu yang sulit. Kadangkala ibu bapa tidak tahu sama ada untuk menganggap anak mereka sebagai orang dewasa.
5. Cuba menggalakkan mereka untuk berusaha dengan baik tetapi tidak terlalu kuaratir jika tidak mencapai apa yang diinginkan oleh ibu bapa mereka. Projek ini sangat penting kerana ini akan menolong mereka untuk saling memahami antara sesama. Jika mereka tidak mempunyai masalah suruh mereka untuk membayangkan masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka.

**Lakonan**

Setelah melakon babak ini, pembimbing harus membincangkan tujuan lakonan ini. Cuba cari jalan keluar yang baik.

1. Displin, moral yang tinggi dan penggunaan waktu yang baik.
2. Ibu bapa para remaja selalu menyoalkan mereka kerana mereka mengambil berat akan perkembangan dan urusan kehidupan anak-anak mereka.
3. Manusia yang Berjaya dan bermutu tinggi.
4. Iubapa berharap anak-anak mereka dapat berusaha kea rah tersebut.
5. Seringkali para remaja suka kebebasan dan tidak kuasai oleh ibu bapa mereka.

**Pandangan Alkitab**

Keluarga kita ibarat sebuah buku. Kitalah yang mencatat setiap halaman buku itu. Jenis cerita yang kita akan tuliskan itu tergantung pada kita. Pahit atau manis cerita itu terserahlah kepada anggota keluarga kita. Marilah kita melihat nasihat-nasihat Alkitab yang dapat menjilidkan buku kita.

1. Kasihlah yang menjilidkan buku itu (1 Korintus 13)
2. Menghormati sesama ( 1 Petrus 2:13-23)
3. Menghormati ibu bapa
4. Isteri harus menghormati suami mereka (Efesus 4:21-24)

---

**BAB 3 – BINTANG PUJAANKU**

**Tujuan:** Para remaja mempunyai bintang pujaan dan orang yang mereka kagumi. Biasanya oang ini akan menjadi teladan bagi mereka pada waktu yang akan datang. Mereka suka meniru sifat-sifat atau nilai bintang pujaan mereka.

**Soalan-soalan**

Cuba membimbing para remaja mencari sifat-sifat unggul yang dapat diteladani. Mereka harus disedari bahawa memiliki sifat-sifat yang baik tidak cukup. Kasih kepada Tuhan harus menjadi tuntutan mereka.

### **Renungan Alkitab**

1. Tuhan Yesus mengasihi orang lain dan bapa-Nya juga (Matius 22:37-39)
2. Tuhan Yesus selalu melayani orang lain bahkan dia rela merendahkan diri-Nya (Matius 20:26-27)
3. Sebagai pemimpin, Tuhan Yesus tidak hanya mementingkan kebaikan-Nya sendiri. Dia mempertimbangkan hak dan kepentingan orang lain terlebih dahulu (Filipi 2:3-5)
4. Rela mengampuni orang lain (Matius 5:23-25; Matius 18:21-22; Lukas 23:34)
5. Tuhan Yesus mengasihi kanak-kanak yang kecil.

### **Bintang Pujaanku Tuhan Yesus**

Anda mesti menolong para remaja memahami bahawa Tuhan Yesus mempunyai sifat-sifat yang patut dicontohi oleh mereka.

1. Guru. Gelaran ini menunjukkan bahawa orang pada zaman Tuhan Yesus menghormati Tuhan Yesus dan ajaran-Nya.
2. Raja orang Yahudi
3. Anak Daud, Mesias yang dijanjikan
4. Juruselamat yang menyelamatkan manusia daripada dosa mereka
5. Mesias atau Kristus
6. Rabi (Guru)
7. Anak manusia yang juga bermaksud Mesias yang dinubuatkan oleh Daud.

---

## **BAB 4 – WAKTU ITU BERNILAI**

Kadangkala para remaja mungkin tidak tahu membahagi waktu mereka. Menggunakan waktu dengan betul akan menjamin masa depan mereka.

Tujuan: Menyedari mereka bahawa waktu itu emas. Waktu yang berlalu itu tidak akan kembali lagi.

### **Pandangan Alkitab**

1. Orang yang mengerjakan pekerjaan yang baik akan memperoleh manfaat sedangkan mereka yang mengejar sesuatu yang sia-sia akan mendatangkan kerugian.
2. Dia akan menjadi hamba kepada kerja paksa.
3. Orang yang malas tidak akan mencapai sasarannya tetapi orang yang rajin akan memperoleh sesuatu yang berharga.
4. Kita harus hidup seperti orang yang bijaksana dan bukan seperti orang yang bodoh kerana pada waktu ini ramai orang menggunakan waktu untuk melakukan kejahatan.
5. Sebagai anak Tuhan kita harus hidup seperti orang bijaksana.
6. Pemazmur meminta agar Tuhan mengajar dia menghitung hari-harinya sehingga dia beroleh hati yang bijaksana.

### **Waktu Itu Bernilai Soalan**

1. Kita akan menikmati kebahagiaan sementara waktu sahaja. Akhirnya kita akan mengalami kerugian dan kemiskinan.
2. Jika kita bersikap seperti si semut kita akan mengalami ertinya bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian. Kita akan memperoleh keperluan kita kerana kesediaan berusaha.
3. Seseorang Kristian tidak hanya tahu berusaha dengan rajin tetapi juga tahu memuliakan Tuhan serta meluangkan waktu untuk Tuhan. Selain itu, dia mempunyai waktu untuk menikmati hidup ini.
4. Ya. Beriman kepada Tuhan tidak bererti kita bermalas-malasan dan menunggu berkat daripada Tuhan sahaja.

### **Waktu Itu Bernilai**

Cuba galakkan para remaja memikirkan pelbagai aktiviti yang berguna dan memanfaatkan. Ajar mereka lagu selamatkan waktumu.

---

## **BAB 5 – IBU SAYA**

### **Tujuan: Mengenal Dan Mengasihi Ibu Mereka**

Bahagian ini bertujuan menolong para remaja untuk mengenal siapa ibu mereka. Seringkali kita tidak mengambil waktu untuk memikirkan anggota keluarga kita. Galakkan para remaja untuk berbincang tentang kesukaan ibu mereka-membaca, merangkai bunga, menjahit baju atau muzik.

Kebenciannya - tidak suka keluar, tidak suka ditipu... Dia mungkin selalu berkata, "Masih ada harapan..." Dia suka menonton filem "Pendekar Ulung" atau "Siri Filem Kantonese – The Big Family" ... Suka makan durian...

### **Lima Perkara Yang Anda Dapat Belajar Daripada Ibu**

Berilah para remaja peluang untuk berfikir dan menulis perkara yang dapat dipelajari daripada ibunya. Kemudian berbincang.

**Galakkan mereka untuk berfikir apa yang disukai mereka daripada sifat ibu mereka.**

### **Pengajian Alkitab**

1. Dia seorang ibu yang rohani, rela mempersembahkan anaknya kepada Tuhan.
2. Ibunya seorang yang beriman. Timotius belajar mempercayai Tuhan Yesus sejak kecil.
3. Dia mengambil berat akan ibunya. Sebelum dia meninggal dunia, dia menyerahkan ibunya kepada Tuhan.
4. Mereka yang tidak mahu mendengar nasihat ibu bapa mereka terjerumus dalam lembah kejahatan dan hanya akan menyesal kemudian.
5. Jawapannya c. setiap anak mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Ibu bapa yang bijaksana akan membentuk anak mereka menurut sifat anak itu.

### **Keluhan Jeniffer Ating**

Cerita ini bertujuan menolong para remaja yang dihadapi oleh diri sendiri. Dengan membaca cerita ini dan berbincang mereka akan memahami diri sendiri dengan lebih baik. Pembimbing boleh menolong mereka melihat bahawa dalam cerita Ating, ibunya bermaksud baik. Ating pula mahu kebebasan.

---

## **Bab 6 - PERSAHABATAN**

### **Tujuan: Menjadi sahabat yang baik**

- A. Untuk mencari sahabat yang setia dan baik, anda terlebih dahulu harus menjadi sahabat yang baik.
- B. Beri peluang supaya setiap anggota pengajian Alkitab dapat berfikir:-
  - a. Hanya sahabat yang rela mengampuni boleh menjalin persahabatan yang akrab.
  - b. Kemarahan boleh menghancurkan persahabatan.
  - c. Orang dewasa boleh menjalin persahabatan yang matang tetapi kadangkala juga seperti kanak-kanak.
  - d. Konflik itu satu kesempatan mengenal sahabat kita dan memupuk persahabatan yang lebih akrab jika kita menghadapinya dengan betul.
  - e. Komunikasi bertambah lebih lancar jika kita mengenal sahabat kita.
  - f. Sikap rendah diri memberi kita kerelaan belajar daripada sesama.

### **Resep Persahabatan**

1. kesabaran, kerendahan hati, kerelaan berkorban, sedia menolong, kasih, tidak cemburu...

### **Resep Membuat Kek Persahabatan**

- a. Kecurangan dan sikap fitnah memfitnah akan menghancurkan persahabatan.
- b. Sahabat yang rela mengampuni kesalahan orang lain serta mengasihi teman mereka.
- c. Membimbing teman mereka.
- d. Teman yang mendatangkan kecelakaan dan teman yang lebih baik daripada adik sendiri.
- e. Sahabat yang mencium tetapi hatinya penuh dengan kutukan sebaliknya ada pula sahabat yang bersikap kasar tetapi hatinya penuh dengan kasih sayang terhadap kita.
- f. Seorang sahabat yang baik mungkin lebih baik daripada jiran atau saudara mara yang dekat.

#### **DARI SUDUT ALKITAB**

1. Tidak mementingkan diri sendiri dan rendah hati, dia mengambil berat akan orang lain.
2. Mampu mengasihi orang lain.
3. Belas kasihan
4. Penuh kasihan
5. Menguasai diri sendiri
6. Lemah lembut dan ramah
7. Kasih mesra dan saling mengampuni
8. Tidak berdusta dan bercakap benar.
9. Mengasihi dan tidak memusuhi sesiapa
10. Cepat mendengar tetapi lambat berkata-kata atau marah.

#### **Projek Kelas**

Sediakan kadod, kertas berwarna dan bahan-bahan hiasan lain, pelekat supaya anggota pengajian anda boleh membuat kad penghargaan kepada sahabat mereka.

## **BAB 7 – SAYA JATUH CINTA**

### **Tujuan: Menolong Para Remaja Memahami Cinta Yang Sejati**

**Cinta Monyet:** Cinta yang tidak dewasa. Seseorang mungkin jatuh cinta dengan kebolehan dan rupa seseorang tanpa mengenal dia. Setelah itu cinta itu tenggelam ke alam yang romantik sahaja.

#### **Cinta Sejati:**

1. Cinta yang tidak terburu-buru tetapi seseorang mengambil waktu mengenali orang yang dicintainya.
2. Tidak mengenal orang yang dikasihinya.

#### **Bincangkan jenis teman lelaki yang mereka suka dan kenapa.**

#### **Tuliskan setuju atau tidak**

Minta mereka menjelaskan pilihan mereka.

#### **Bimbingan Alkitab**

1. Kita tidak hanya melihat wajah tetapi juga hati seseorang. Lemah lembut dan sifat yang tenang sangat penting di mata Tuhan. Kecantikan tidak terlalu penting sewaktu memilih teman lelaki atau teman wanita.
2. Alkitab menyuruh kita memilih teman yang seiman. Jika teman lelaki kita beragama lain, gaya hidup dan fikirannya berbeza dengan kita. Pasi perselisihan faham akan muncul.
3. Teman lelaki yang mengasihi Tuhan dan menyerahkan hidupnya kepada Tuhan.
4. Hidup menurut Roh Kudus dan menghasilkan buah Roh Kudus seperti kasih sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan dan kesetiaan.

#### **Projek Kelas**

Anda boleh menggalakkan mereka untuk menulis pantun cinta dan membaca dalam kelas.

## **BAB 8 – SEKS DI LUAR PERNIKAHAN**

### **Tujuan: Menolong mereka melihat bahaya seks di luar pernikahan**

1. Para remaja mungkin berasa malu mengemukakan pandangan mereka. Cuba memberi pandangan umum yang mungkin terjadi di kalangan para remaja mengenainya.
  - Sebagai pembimbing cubalah sediakan suasana yang selesa dan tidak tegang kerana seks mungkin topik yang tertutup. Anda boleh membawa majalah-majalah atau suratkhbar di mana memuat pertanyaan pemuda pemudi mengenai seks dan percintaan.

### **A. Di bawah tertulis beberapa pandangan mengenai seks. Tuliskan benar atau salah, kemudian jelaskan pilihan anda.**

1. Sikap playboy itu salah kerana seks yang intim hanya diizinkan dalam rangka perkahwinan. Pengaulan yang bebeas mendedahkan seseorang kepada bahaya penyakit AIDS.
2. Menghargai teman wanita bererti tidak membimbing dia ke dalam bahaya tetapi melindungi dia.
3. Saling mencintai tidak memberi hak untuk melangkah di luar kehendak Tuhan.
4. Orang Kristian mempunyai prinsip yang berdasarkan Alkitab dan tidak terbawa oleh arus-arus semasa.
5. Bagaimana pula jika akhirnya tidak berkahwin.
6. Cinta yang sejati rela menunggu.
7. Perhubungan seks di luar pernikahan akan memberi pelbagai tekanan jiwa kepada seseorang.
8. Seks itu memang sesuatu yang indah namun ia akan berubah menjadi sesuatu yang hodoh jika dilakukan di luar pernikahan.
9. Benar namun tidak dijadikan alasan. Kasih Tuhan memberi jaminan dan kepuasan yang sejati.
10. Seks yang digunakan sebagai kelepasan akan mendatangkan lebih banyak beban.
11. Setuju.
12. Seks itu sesuatu yang sihat dan indah dalam rangka perkahwinan.
13. Kerelaan mengadakan seks tidak boleh dijadikan sebagai ukuran cinta. Sebaliknya ukuran cinta dibuktikan dalam kerelaan menanti.
14. Setuju
15. Setuju. Jelaskan.

### **B. Kesan-kesan negative seks di luar pernikahan. Galakkan para remaja untuk berfikir, kemudian menuliskannya.**

### **C. Dari Sudut Alkitab**

1. Seks itu ciptaan Tuhan dan baik untuk manusia dalam rangka perkahwinan.
2. Perhubunganseks itu indah dan harus dilakukan dalam keadaan yang hormat dan kudus iaitu perkahwinan.
3. Seorang pemuda Kristian harus menjauhi diri daripada hawa nafsu dan percabulan.
4. Kecantikan batiniah lebih penting daripada perhiasaan luar.
5. Tuhan ingin kita hidup kudus.
6. Tuhan memanggil kita untuk hidup kudus kerana Roh Kudus yang tinggal di dalam diri kita itu kudus.
7. Roh Tuhan tinggal di dalam kita.
8. Tidak bergual dengan mereka.
9. Janganlah menurut mereka.
10. Kita perlu mempunyai pegangan yang teguh.

### **Tandakan jawapan yang betul**

Bahagian ini bertujuan menolong para remaja mempunyai falsafah yang kuat.

1. a

2. a dan c
3. jawapan peribadi
4. jawapan peribadi

Kes-Kes bertujuan menolong para remaja mengenal remaja lain yang mempunyai masalah hidup.

---

## **BAB 9 – SIKAP PEMUDA KRISTIAN TERHADAP PORNOGRAFI**

### **Tujuan: Menolong para remaja mengelakkan diri daripada pornografi**

1. Pornografi tidak dapat menambahkan pengetahuan seks kita kerana ia hanya dapat memberi informasi yang salah mengenai seks. Seks yang tidak berkenan kepada Tuhan seperti mengadakan seks dengan beberapa orang, merogol wanita beramai-ramai, seks yang kejam, perhubungan seks dengan sesama sejenis. Menonton filem atau melihat buku-buku pornografi akan merangsang hawa nafsu dan mengotori imaginasi seseorang dengan imaginasi tidak sihat.
2. Pornografi tidak akan menolong seseorang dalam percintaan sebaliknya merosakkannya. Aspek-aspek yang dapat mempereratkan cinta tidak ditekankan tetapi hanya hubungan fisik ditonjolkan.
3. Pemuda-pemudi yang suka pornografi mungkin akan menyebabkan mereka melakukan sesuatu yang keji, bergurau lucah dan berkelakuan aneh.
4. Pemuda-pemudi yang menerima terlalu banyak ransangan ini akan hilang penguasaan diri.
5. Orang Kristian yang sering menonton video atau membaca buku lucah akan berasa berdosa kepada Tuhan dan mengalami halangan bersekutu dengan Tuhan yang kudus.
6. Ya
7. Percintaan yang teguh tidak dapat terjalin berdasarkan hawa nafsu semata-mata.
8. Jika hawa nafsu dan pengaruh mental yang tidak sihat sering memenuhi fikiran seseorang, tentu dia tidak dapat hidup berkenan kepada Tuhan.
9. Lelaki dan wanita daripada semua tahap umur tidak digalakkan menonton atau membaca yang lucah.
10. Menonton filem yang lucah akan menyebabkan seseorang ketagihan terhadapnya.
11. Tekanan seks akibat ransangan tidak sihat akan menyebabkan mereka mencari pelepasan yang tidak sihat.
12. Janganlah meletakkan diri anda dalam percubaan.

### **Renungan Alkitab**

1. Alkitab menasihati agar kita menjauhi diri daripada segala kejahatan.
  2. Kehendak Tuhan ialah pengudusan diri kita.
  3. Dia akan kehilangan hak menikmati berkata kerohanian yang dalam.
  4. Alkitab menggalakkan kita berfikir segala yang adil, suci, manis, sedap didengar dan patut dipuji.
- 

## **BAB 10 – PERCUBAAN HIDUP**

Para remaja sering menghadapi percubaan hidup. Mereka mungkin kecewa dan tidak berminat ke gereja kerana terlalu banyak percubaan. Kadangkala dia berasa serba salah dan menduga Tuhan tidak mengampuni mereka.

Iblis begitu licik, dia menggunakan firman Tuhan untuk menguji Tuhan Yesus. Tuhan Yesus menghadapi dia dengan firman Tuhan.

- A. Ulangan 8:3 sama dengan Matius 4:4. Manusia tidak hanya bergantung pada Tuhan tetapi juga pada ucapan Tuhan.  
Ullangan 6:16 Janganlah kita menguji Tuhan Matius 4:7  
Ulangan 6:13 dengan Matius 4:9 Tuhan Yesus mengutip firman Tuhan yang terdapat dalam Ulangan. Kita hanya menyembah Tuhan Allah kita.

### **Percakapan Melalui Telefon**

- a. Sebagai seorang Kristian kita harus mempunyai pendirian yang berlainan daripada orang lain.

- b. Biar murid berbincang mengenai perkara ini.
- c. Cuba galakkan anggota pengajian Alkitab menjelaskan pilihan mereka.

### **Saat Berbincang**

Galakkan para remaja untuk berbincang mengenai punca pencubaan mereka.

### **Renungan Alkitab**

1. Kita harus sentiasa berhati-hati dan jangan menyangka kita kuat tanpa pertolongan Tuhan. Dengan pertolongan Tuhan, kita dapat mencari jalan keluar dalam setiap pencubaan.
2. Selalu berjaga-jaga dan berdoa. Roh memang penurut tetapi tubuh lemah.
  - a. Nafsu
  - b. Keangkuhan dunia
  - c. Mata
3. Iblis cuba menipu mereka sehingga mereka terbuai oleh perbuatan dan pencubaan yang dilarang oleh Tuhan. Iblis memakai strategi nafsu untuk mempengaruhi mangsanya.
4. Sentiasa memegang pada perjanjian atau sabda Tuhan di dalam hati.

### **Peringatan apakah yang diberikan oleh Tuhan kepada kita di perenggan-perenggan berikut:**

1. Jika orang jahat membujuk anda berdosa janganlah kita menurut.
2. Jangan menurut jalan orang yang jahat, cubalah menjauhi diri daripada jalan itu
3. Jangan turut mengambil bahagian dalam perbuatan jahat yang tidak membuahkan sesuatu yang berguna.
4. Kita harus berjaga-jaga dan melawan musuh kita, si iblis. Hanya iman yang teguh dapat mengalahkannya.
5. Doa akan menolong kita menjauhi diri daripada pencubaan kerana Tuhan mempunyai kuasa untuk menolong kita.
6. Ketekunan untuk berdiri teguh.
7. Kita tidak boleh menuduh Tuhan sebagai punca godaan atau pencubaan.

### **Renungan Peribadi**

1-4 Banyak hal yang mungkin menjadi sumber pencubaan dalam kehidupan seorang remaja. Wang, perempuan, minuman keras, video dan pelbagai perkara lain. Berilah para remaja waktu untuk meluahkan perasaan mereka.

5. Jika kita jatuh ke dalam pencubaan, Tuhan ingin kita bertaubat (1 Yahya 1:9)

---

## **BAB 11 - PERINTAH BARU**

Kasihilah satu sama lain

### **Bincangkan perbezaan antara sikap teman-teman Chin Kaw dan sikap Tuhan Yesus terhadap Zakeus.**

- a) Yesus menerima dan bergaul dengan orang yang tersingkir oleh masyarakat
- b) Menerima dan mengasihi Chin Kaw

### **Baca Yahya 11:4. 28 dan bandingkan dengan cerita berikut.**

1. Tuhan Yesus menngisi dan menyelami perasaan sedih yang dialami oleh keluarga Lazarus.
2. Tuhan Yesus ingin Alice ke rumah Swee Lang. Kehadirannya dan kerelaannya untuk menghibur dan menolong Swee Lang.
3. Menyelami perasaan mereka dan menngisi bersama dengan mereka.

### **Bandung cerita ini dengan Lukas 10:25-37**

1. Ya. Orang Kristian diperintahkah untuk mengasihi orang lain, mereka harus membuktikan kasih mereka dengan menolong orang yang berada dalam kesusahan.
2. Melaporkan ahli itu kepada hospital atau polis.
3. Gong yang berkumandang dan canang yang gemerincing.

## **BAB 12 – KASIHILAH MEMUSUHMU**

### **Bincangkan**

1. Dalam kedua-dua kes ini, mengampuni orang lain merupakan perkara yang sulit dilakukan
2. Corrie meminta agar Tuhan menolong dia mengampuni orang itu.
3. Saya berasa sulit mengampuni tetapi saya meminta pertolongan Tuhan.

### **Renungan Alkitab**

1. Tuhan mengasihi kita sehingga Dia rela mati untuk kita walaupun kita berdosa
2. Tuhan memperdamaikan kita dengan diri-Nya sewaktu kita masih musuh-Nya.
3. Kasih boleh menutupi segala pelanggaran.
4. Berbuat baik terhadap musuh kita. Tuhan juga berbuat baik dan tunjukkan rahmat-Nya terhadap orang jahat dan yang tidak berterima kasih.
5. Bapa Syurgawi
6. Mengasihi musuh kita dan mendosakan mereka.

### **Cuba tandakan x**

Berbincang dengan mereka

1. Saat ibadah. Para remaja akan menulis di atas kertas nama orang yang dibenci oleh mereka. Mereka akan mengampuni orang itu dan mendoakan orang itu. Kemudian mereka akan berdoa kiranya Tuhan akan memulihkan perhubungan dengan orang itu.
2. Para remaja juga akan merenungi sama ada mereka mempunyai banyak musuh.
3. Siapa yang dianggap mereka sering menyakiti hari mereka.
4. Sikap mereka terhadap orang yang dibenci dan sikap yang dikemukakan Alkitab.

---

## **BAB 13 – TUHAN MENYERTAI SAYA**

### **Tuhan Menyertai Saya**

Tujuan: Untuk menolong anggota kelas anda memahami bahawa Tuhan selalu menyertai mereka pada saat kesusahan dan kesepian.

- A. Mereka akan merenungi bilakah saat yang paling sepi dalam kehidupan mereka.
  1. Sedang tidur
  2. Mencium dia
  3. Lari dan Meninggalkan Dia
- C. Cuba bayangkan perasaan anda apabila menghadapi keadaan seperti Ann.
  1. Pemazmur memohon agar Tuhan mengingat kasih setia-Nya dan mengasihi dia.
  2. Pemazmur meminta agar Tuhan menjawab doanya. Dia juga mencurahkan perasaan hati-Nya kepada Tuhan.
  3. Dia yakin Tuhan sudah mendengar doanya.

### **Menghadapi Kesepian**

Bahagian ini bertujuan menolong para remaja menggunakan cara yang kreatif untuk mengatasi perasaan kesepian mereka.

---

## **BAB 14 – PERSELISIHAN FAHAM**

**Tujuan: Belajar menghadapi perselisihan dengan cara yang baik.**

1. Cuba bercakap dengan orang itu. Pada mula-mulanya, anda mungkin perlu menunggu sehingga perasaannya tenang semula. Sikap yang rendah hati serta kerelaan mendengar dan memahami perasaan hati orang itu.
2. Ishak
3. Tuhan menyertai dan menghibur dia juga.
4. Berilah pendapat anda dengan sejujur-jujurnya.
5. Tidak
6. Selidiki hidup anda dan cuba cari punca perselisihan faham

**Letakkan salah atau betul:-**

- A. Tidak benar, tetapi kita tidak boleh menyimpan perasaan marah, berdendam terhadap orang itu dan tidak bercakap dengan dia lagi. "Janganlah membiarkan amarah kamu itu menjadikan kamu berdosa (Efesus 4:26)
- B. Doa akan menolong kita mengampuni orang itu. Dengan kekuatan sendiri kita mungkin tidak dapat mengampuni orang itu tetapi Tuhan dapat memberi kemenangan.
- C. Belajar menjelaskan perasaan anda daripada menunjukkan kemarahan anda
- D. Lebih baik anda bercakap dengan orang itu, berdoa dan memulihkan perhubungan dengan dia.

**Menyembuhkan Perhubungan Yang Retak**

1. Kasih dan kesabaran ibu Daud telah mengubah sifat Daud.
2. Kasih dan kerelaan untuk memahami orang lain boleh menyembuhkan perhubungan retak.
3. Daud berfikir ibunya akan memarahi dia.

**Dari sudut Alkitab**

**Efesus 4**

1. Rasul Paulus ingin kita menanggalkan sifat yang laima dan diperbaharui dalam jiwa dan fikiran kita (Efesus 4:22-24)
2. Tuhan ingin bercakap benar dengan sesama (Efesus 4:25)
3. Tuhan
4. Tuhan ingin kita tinggalkan segala kepahitan, kegeraman, kemarahan, pertikaian dan fitnah memfitnah
5. Kita harus memiliki kasih mesra dan rela saling mengampuni.
6. Rasul Paulus menasihati Euodia dan Sintikhe supaya mereka sehati sefikir dalam Tuhan.

**BAB 15 – PENGAMPUNAN DAN FIRMAN TUHAN**

**Tujuan: Belajar mengampuni orang lain dan memahami firman Tuhan yang memerintah kita untuk saling mengasihi.**

- A. Berilah murid-murid anda beberapa saat untuk menulis surat kepada Meng Hwa. Mereka boleh menggunakan ayat-ayat dalam Alkitab
- B. 1. Bimbinglah murid anda untuk menjelaskan pilihan mereka. Saya berasa Petrus paling sulit diampuni kerana dialah orang yang paling akrab dengan saya. Pada saat penderitaan, dia pura-pura tidak mengenal saya.
  2. Ayat 34
  3. Tuhan Yesus mengampuni dia. Saya mahu mengikut teladan Tuhan Yesus.
  4. Tuhan Yesus mengampuni dia bahkan menyuruh dia menggembalakan umat-Nya.
- C. Saat Berbincang
- D. A. Terganggu kerana tidak dapat berkomunikasi baik dengan orang itu dan tidak mungkin dapat bekerjasama dengan orang itu.  
 B. Perhubungan dengan Tuhan terganggu kerana hati masih tidak rela mengampuni.  
 C. Hati tidak tenang.

**Renungan Alkitab**

1. Saling mengampuni dan mendoakan sesama.
2. Berdamailah dengan orang itu terlebih dahulu.
3. Mengampuni orang tidak mengenal batas. Jika kita rela mengampuni orang lain, Tuhan akan mengampuni kita.